

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

**KHAMIS, 29 Disember 2011**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
*[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]* - *Pengerusi*  
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]  
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]  
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]:**

YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]  
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]  
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]  
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

**URUS SETIA**

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi]  
YBhg. Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi]  
YBhg. Datuk Kamaruddin bin Mohamed Baria [Setiausaha]  
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]  
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]  
Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]  
Encik Ikmalrudin bin Ishak [Timbalan Setiausaha (Pengurusan)]  
Encik Shah Aruzaman bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]  
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]  
Encik Mohd Azhar Mohd Yusoff [Penasihat Undang-undang]  
Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya) 2]  
Puan Hartini Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]  
Cik Noor Azira Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (Samb/-)**Kementerian Dalam Negeri**

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]  
Puan Yuslina Kamarudin [Penolong Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]

**Jabatan Pendaftaran Negara**

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah]  
Encik Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]  
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]  
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]  
Cik Zarifah binti Zulghaffar [Pegawai Undang-undang  
(Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia)]  
Encik Nooruladzim Ateman [Timbalan Pengarah Unit Pentadbiran/Kewangan  
(Bahagian Kad Pengenalan JPN)]  
Puan Mazni binti Bidin [Timbalan Pengarah (Bahagian Latihan)]  
Encik Nik Hassan Fauzi Bin Nik Abdullah [Penolong Pengarah  
(Bahagian Kelahiran, Kematian Dan Anak Angkat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Junipah binti Wandi [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan & Perundangan)]  
Encik Rosdi bin Hassan [Penguasa Kanan]

**Polis Diraja Malaysia**

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah  
(Forensik Data Bank) Bukit Aman]  
ASP Lim Chin Huat [Perundangan Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman]

**Kementerian Pertahanan**

Lt. Kol. Hamdan Yaacob [Pengurus ICT]  
Lt. Kol. Omar Daud [Penolong Setiausaha (Unit Kabinet dan Parlimen)]

**Kementerian Luar Negeri**

Encik Dzulkefly Abdullah [KPSU]

**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**

YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf [Ketua Setiausaha]  
Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]  
Tuan Haji Fathur Rahman Othman [Ketua Penolong Pengarah JASA]  
Tuan Haji Abdul Rauf Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]

**MIMOS**

Encik Kamarulzaman Abd Mutalip [Pegawai Kanan]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia****Khamis, 29 Disember 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.39 pagi**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

---

**Tuan Pengerusi:** Baiklah, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai sokongan, dan juga pegawai-pegawai Parlimen, KSU dan juga kepada yang lain. Kepada semua, selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Dewan Rakyat, Parlimen yang kedua belas. Kepada Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas ini, kepada Dato' KSU KPKK, pegawai-pegawai kanan khususnya daripada SPR dan Keselamatan Dalam Negeri serta juga agensi-agensi yang lain, pegawai-pegawai Parlimen, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Sekali lagi saya mengalu-alukan kehadiran semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pegawai-pegawai induk yang dapat bersama dengan kita pada hari ini.

Saya mohon maaf kerana sebenarnya ini masih *mood* dalam *holiday* dan bagi rakan-rakan kita dan saudara-saudara yang meraikan Hari Natal itu Selamat Hari Natal dan Selamat Tahun Baru kepada semua. Kita boleh lihat pada hari ini cukup kuorum sahaja kerana masih banyak kadar 45% yang bercuti atau pun ada tugas di luar negara. Namun, kita telah menetapkan mesyuarat ini lebih awal kerana saya berpendapat bahawa adalah penting untuk membuat susulan kepada perkara-perkara utama yang telah dilaporkan oleh jawatankuasa ini kepada Parlimen serta juga maklum balas oleh pihak SPR dan agensi-agensi yang berkaitan dan perlu disusuli sebelum pun kita melangkah kepada tahun baru 2012 yang dijangka tahun yang lebih sibuk untuk semua.

Untuk makluman Ahli-ahli Jawatankuasa, menurut agenda mesyuarat pada hari ini jawatankuasa akan membincangkan perkara-perkara seperti pertamanya, perbincangan mengenai maklum balas SPR terhadap syor-syor jawatankuasa. Kita sedia maklum sebahagian secara kasar ini telah pun dimaklumkan kepada kita pada sesi pendengaran awam di Pulau Pinang iaitu pada 15 hingga 16 Disember di Pulau Pinang. Namun pada waktu itu perbincangan lebih terperinci dan maklum balas balik oleh pihak jawatankuasa tidak dirancang pada waktu itu tetapi pada hari ini kita bercadang untuk membincang lebih dalam mengenai syor-syor yang pihak SPR telah katakan boleh diterima dan isu yang akan dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat dan kita ingin mendengar tindakan susulan oleh pihak SPR di dalam perkara ini. Saya difahamkan Tan Sri Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR ada di sini dan nanti kita akan jemput sebentar lagi.

Kita juga akan membincangkan dan membuat rumusan mengenai dengan cadangan-cadangan utama pihak awam daripada dua sesi pendengaran awam iaitu di Kuching pada 8 dan 9 Disember dan di Pulau Pinang pada 15 dan 16 Disember supaya jawatankuasa-jawatankuasa kecil boleh susuli untuk catatan yang lebih terperinci dan jawatankuasa kecil tersebut bolehlah bermesyuarat nanti dalam masa yang terdekat setelah *meeting* pada hari ini.

Untuk tujuan ini saya telah meneliti *Hansard* dan catatan saya sendiri serta juga Ahli-ahli Yang Berhormat pun tidak kurang daripada ada 10 perkara lagi yang hangat dibangkitkan dalam dua pendengaran awam tersebut di mana ia berkali-kali dibangkitkan. Untuk tujuan tersebut saya rasa jawatankuasa-jawatankuasa kecil perlulah meneliti dan membuat kajian lebih terperinci walaupun barangkali membawa syor-syor tersebut kepada peringkat jawatankuasa ataupun memanggil beberapa lagi input daripada mereka yang perlu didengar.

Misalnya soal persempadanan kawasan pilihan raya. Ini berbalik dalam dua pendengaran awam tersebut formula dan asas-asas untuk melakukan perubahan sempadan ataupun tambahan sempadan. Saya melihat ini begitu popular sekali. Kedua, perkara *urban rural weightage* misalnya. Saya rasa jawatankuasa ini perlu memberi perhatian kepada perkara ini supaya satu resolusi kemungkinan dapat dipersetujui bersama.

Yang ketiga mengenai dengan kuota atau pun jumlah kerusi Parlimen yang ada di Sabah dengan Sarawak dari segi *proportion* kepada jumlah keseluruhan dan seperti mana kita dengar dua-dua negeri tersebut, mereka membangkitkan perkara 34 *percent* iaitu satu *proportion* yang pada masa negara kita ini dibentuk pada waktu itu. Ini memang *contentious* tetapi saya rasa perlu beri perhatian untuk meneliti atau mendengar lebih banyak perspektif dalam perkara ini.

Soal alternatif sistem *first-past-the-post* atau pun *proportionate* atau pun *the mixture* banyak idea yang menarik yang disampaikan di Pulau Pinang termasuk beberapa *think-tank* yang telah pun tiba pada waktu itu.

Keempat masih lagi kita belum selesaikan. Ini peranan hangat diutarakan di Sarawak ini *voting address* seperti mana yang sekarang ini *voting address* itu adalah tempat si pengundi itu memilih dan ia berasas kepada maklumat di dalam *SIM card* atau pun asas dalam kad pengenalan seseorang itu. Biasanya itu pada masa dia mendaftar. Pertamanya, alamat tu hendaklah alamat yang dia bermastautin. Kalau dia hendak ubah, dia perlu juga perubahan alamat kepada yang terkini.

Akan tetapi di Sarawak dan di Pulau Pinang begitu hangat diutarakan bahawa pandangan ialah tidak keluar soal alamat ini menghalang seseorang itu untuk *exercise* dengan izin, *democratic rightnya*. Khususnya di Sarawak mereka katakan bahawa jika keterlaluan seperti yang sekarang ini, maka akhirnya barangkali semua pengundi adalah di kawasan bandar dan tidak akan banyak yang akan balik ke kawasan asal. *So, I think* mesti ada di Pulau Pinang. Saya melihat itu dengan izin, mereka katakan *let them vote where they want to vote*. Ini pun satu drastik so perlu saya rasa masalah ini panjang untuk mendengarnya.

Kelima, soal media *access*. *Maybe* jawatankuasa hendak fikir *guidelines* yang boleh diterima oleh pihak media. Soal aduan *political corruption* atau pun *voter corruption maybe issue of guidelines* ini perlu kita *mortalitykan*. Ketujuh, tatacara kempen. *Expenditure* untuk pilihan masa pilihan raya bagi setiap calon atau pun parti atau pun *machinery* - jentera.

Selain itu isu *liaison observer* dan kedudukan SPR sebagai *autonomous*. Sempadan autonomi banyak yang dibincangkan dalam pendengaran awam daripada peringkat pertama ada yang mengatakan diletakkan di bawah Parlimen dan ada yang dikatakan sekarang itu pun munasabah dan seterusnya.

So, ini sekadar sepuluh yang dalam catatan saya dan juga di dalam *Hansard* dan barangkali ada lagi tambahan yang banyak tetapi kalau antara yang saya rasa jawatankuasa kecil meneliti dan elok kalau ada senarai tugas kerja sebelum pun kita selesai pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Khamis 15 Disember iaitu selepas sesi pendengaran awam di Pulau Pinang, jawatankuasa telah mendengar taklimat yang diberi oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan taklimat tersebut adalah berkenaan maklum balas awal SPR terhadap syor-syor dalam laporan Jawatankuasa Pilihan Raya Berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi SPR telah memaklumkan kepada jawatankuasa, syor yang akan dapat dilaksanakan pada pilihan raya yang akan datang ini seperti mana saya sentuh tadi.

Pada hari ini jawatankuasa akan menyambung mesyuarat sebagai lanjutan terhadap taklimat yang telah disampaikan tempoh hari itu di samping taklimat daripada Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi SPR yang difahamkan bahawa pihak SPR berhasrat juga membuat demonstrasi berkenaan proses pengundian dan proses pengiraan undi serta juga penggunaan dakwat kekal pada hari ini. Untuk tidak meluangkan masa kecuali kalau ada pandangan jawatankuasa dahulu, ya.

#### ■0950

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]:** Tuan Pengerusi, sebelum kita menjemput Pengerusi SPR untuk memberi penerangan tentang perkara-perkara yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan pada pilihan raya yang akan datang ini, saya nak bangkitkan satu perkara sahaja yang telah kita bersetuju tentang undi awal ini kerana undi awal ini dia berkaitan dengan polis dan tentera. Jadi, saya nak tanya sebab Ketua Pengarah JPN ada di sini. Macam manakah pelaksanaan mengeluarkan kad pengenalan kepada polis ini, MyKad polis ini dan MyKad tentera ini? Adakah dilaksanakan sepenuhnya kerana saya khuatir kalau kita bersetuju untuk mengadakan undi awal ini, ya lah tetapi dia punya MyKad itu kalau polis dan tentera tidak kesemuanya dikeluarkan MyKad ini, jadi dia akan jadi *double standard*. Bukan *double standard*.

Dia akan jadi butiran dalam buku daftar pemilih itu akan mengandungi nama-nama mereka mengikut yang lama, tentera umpamanya ataupun polis dan yang baru. Yang baru bermakna dia itu mempunyai kad pengenalan 12 digit dan juga nombor tentera atau nombor polis dan yang satu lagi itu pula dia hanya nombor tentera sahaja. Jadi dia akan mengelirukan kita, jadi kita nak tahu penjelasan itu. Adakah benda itu boleh atau tidak boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ya, bolehkah atau tidak boleh dalam daftar senarai yang akan dikeluarkan nanti secepat mungkin.

**Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah (Jabatan Pendaftaran Negara)]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya suka maklumkan di sini bahawa JPN telah pun mengeluarkan MyKad untuk polis dan juga MyTentera kepada anggota tentera mulai tahun 2010. Di dalam kad yang dikeluarkan itu mengandungi nombor tentera dan juga nombor 12 digit. Jadi yang mana datang kepada kita, kita akan keluarkan.

Bagi mereka yang belum menukar, jadi kita memang maklumkan kepada agensi-agensi berkenaan supaya datang ke JPN untuk menukarkan. Jadi, kalau ikut daripada rekod kita, tak ada lagi MyTentera atau MyPolis yang kita tak buat, semua dah kita serah dan kita buat. Jadi, kalau masih ada tentera yang baru masuk ataupun yang tak menukar, kita dah maklumkan tapi kita tak tahulah sama ada semua datang atau tidak. Dan kalau ikut apabila mereka mendapat MyKad baru, dalam MyKad baru jelas mempunyai nombor tentera dan juga nombor 12 digit seperti mana MyKad orang awam. Itu memang dah berlakulah dan dah dikeluarkan.

**Tuan Pengerusi:** *Schedule* bilangan ini akan diselesaikan sebab *the next* tugas itu, untuk *transfer* data itu kepada SPR dan sempatkah dia ada dalam daftar pemilih atau tidak, ada *time limit*kah?

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Kalau JPN, kita dah selesaikan. Kita tak ada. Satu pun kita tak ada yang tak buat. Cuma di pihak tentera atau polis, kalau dia tak datang, kita tak boleh buat apa, kita dah maklumkan dan kalau bila kita dah serah kepada polis ataupun tentera kad tadi, merekalah yang akan mendaftar sebagai pengundi. Itu antara mereka dengan SPR. Itu sahaja yang dapat saya maklumkan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jadi adakah bermakna bahawa tiap-tiap anggota polis ataupun anggota tentera sekarang ini mereka mempunyai MyKad tentera dan MyKad polis?

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Yes, betul.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Datuk cakap kalau dia tak datang, ertinya ini adalah bebas kepada pihak PDRM atau tentera untuk mengambil kad yang baru itu ataupun bagaimana?

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Kalau ikut daripada segi semasa pelaksanaan di peringkat awal, KDN sendiri memanggil bersama JPN, tentera dan polis hadir dan maklumkan perkara ini kepada mereka dan supaya mengarahkan semua tentera dan polis menukarkan kad kepada MyTentera dan MyPolis.

**Tuan Pengerusi:** Ada 80% sudah siap?

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Lebih kurang 80% tapi saya tak bawa *figure* yang betul sekarang ini. Saya boleh bagi dan kita masih lagi juga maklumkan kepada IGP sebab IGP memang ada mesyuarat dengan KDN *weekly*. Kita maklumkan supaya semua polis datang buat. Kita memang buat. Tak ada masalah, di sini JPN kita tak ada masalah.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Bermakna bila buku daftar pemilih dikeluarkan apabila menjelang pilihan raya ini, dia akan mengandungi nama-nama orang awam sebagai biasa dan polis yang selalunya nama terakhir sekali dalam buku tiap-tiap peti undi itu, nama-nama ini akan mengandungi nama, kad pengenalan 12 digit dan juga nombor askar ataupun polis? Bolehkah SPR memberi pengesahan bahawa itu akan berlaku? Bahawa takkan berlaku lagi nama yang hanya mengandungi nama tentera sahaja lepas itu ada pula sebahagian nama polis dan nama tentera dan juga 12 digit. Itu yang kita nak tahu.

**Tuan Pengerusi:** Pihak SPR?

**Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan) Suruhanjaya Pilihan Raya]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan, di pihak SPR, sebaik sahaja kami terima maklumat berkenaan daripada JPN, kami akan patuhilah. Maknanya ada nombor tentera, ada nombor awam begitu juga polis, ada nombor polis dan ada nombor awam.

Semua maklumat kami terima, kami akan masukkan dalam data pemilih itu kecualilah kalau tidak ada maklumat itu, itu di luar daripada jangkauan SPRLah.

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Dan sebagai tambahan ya...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuala Krai?

*[Yang Berhormat Kuala Krai mengambil tempat di dalam bilik Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Dato' Jariah binti Mohd Said:** Sebagai tambahan Tuan Pengerusi, kita menyalurkan maklumat kepada SPR melalui dua cara. Satu melalui ALIS sistem, agensi lengkap sistem, memang kita *onlinel*ah. Satu lagi kita bagi juga secara manual supaya kalau ada apa-apa yang dia boleh buat semakan dan kita sentiasa terbuka kepada SPR untuk menanya balik kah, kita akan bagi *clarification anytime* Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Saya soalkan ini kerana tuduhan yang dikeluarkan mengatakan bahawa jika polis ataupun tentera itu mengamalkan, kita amalkan cara prosedur biasa, prosedur lama, dia membolehkan seorang polis atau tentera itu dia mendaftar dua kali, itu sahaja. Jadi kalau keluarkan MyKad polis ataupun MyKad tentera ini yang mengandungi nama, nombor 12 digit dan nombor askar ataupun polis, ini akan menghalang merekalah sebab dia guna satu sahaja kad untuk daftar dan untuk mengundi. Itu yang saya nak tahulah sebab kita nak pastikan benda ini berlaku begitu. Kita tak nak ada dua standard, ada senarai itu nama lain pula, nama polis sahaja. Ada satu senarai itu semua ada, 12 digit pun ada, polis itu ada. Itu kita tak nak, kita hendakkan standard semua. Semua mengandungi 12 digit dan nombor polis atau nombor tentera.

**Tuan Pengerusi:** Itulah soalan susulannya ialah, dalam daftar yang ada sekarang ini yang dipaparkan, adakah ini sudah mulai dimasukkan di mana dua digit jenis itu ataupun ini dalam edaran akan datang?

**Encik Harun Che Su:** Tuan Pengerusi, SPR sekarang ini di peringkat pembersihan. Maknanya kita akan mengenal pasti senarai dengan mendapat nombor kad pengenalan awam, kita akan padankan, kita akan tengoklah satu persatu. Jadi dengan kata lain...

**Tuan Pengerusi:** Kemungkinan dalam jadual akan datang? *So*, harus dalam jadual yang akan datangnya?

**Encik Harun Che Su:** Ya *insya-Allah* akan ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Encik Harun Che Su:** Secepat mungkin, secepat mungkin Tuan Pengerusi. *Once* kami terima, kami akan buatlah, *insya-Allah*. Daripada sistem ALIS itu, *so automatic* kita akan boleh tengok.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Saya rasa ini penting sebab ini desakan dalam pendengaran awam begitu luas. *So*, memanglah pilihan raya lama lagi kan? 15 bulan lagi kalau dikira betul tapi kalaulah dia, orang Dusun bilang *palis-palis touchwood*, orang Kadazan ini. Kalau bulan depan ertinya...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Berkalau-kalau pula.

**Tuan Pengerusi:** Kalau-kalaulah ini. Jadi daftar yang dipaparkan, yang diberi itu nanti yang sekarang ini ataupun sebelumnya ertinya ini belum masuk lagi kalau begitu. Yang 12 digit dan nombor polis belum lagi masuk? Belum sempat masuklah kalau begitu?

**Encik Harun Che Su:** Kalau bulan depan belum sempat.

**Tuan Pengerusi:** Okey. *So we are talking about forward*lah iaitu yang akan datang, pameran yang akan datang.

**Encik Harun Che Su:** Yang pertama 2012 misalannya, *insya-Allah* nampak kita lihat dengan jelaslah perbezaan itu.

**Tuan Pengerusi:** *So*, ertinya pameran akan datangnya ini.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, sebab saya faham prosedur SPR ini dia ada dia punya tiga bulan sekali, tiga bulan sekali kan?

■1000

Jadi sekarang ini hendak sampai ke penghujung tahun dia akan keluar dia punya data yang terakhir. Selepas itu mungkin dia keluar bulan Januari. Jadi bolehkah dalam masa sekarang ini kita kemaskinkan? Itu soalan yang saya tanya tadi. Kalau sudah JPN mengatakan bahawa telah diberi kepada semua, jadi SPR adakah berkeupayaan membersihkan apabila bulan Disember ini tutup kita punya *quarter* yang terakhir, maka dibersihkan dan Januari ke Februari digazet nama yang semua cantiklah. Itu yang kita hendak.

**Encik Harun Che Su:** Itulah matlamat SPR sebenarnya. *Once* kami dapat akses kepada maklumat yang berkenaan, kami akan serta-merta membersihkan maklumat tersebut daripada daftar pemilih SPR. *Insya-Allah* saya menjangkakan kalau dalam bulan Februari atau bulan Mac *insya-Allah* kita dapat melihat dengan jelaslah hasil daripada pembersihan berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, supaya ada sasaran, saya mohon mesyuarat akan datang jika pihak JPN boleh maklumkan berapa yang telah diterima daripada tentera dan PDRM dan berapa telah pun sampai ke peringkat SPR. *At least* kita boleh monitor perkembangan dan ada *dateline* tertentu.

Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hanya mahu tekankan di sini sebelum memanggil Pengerusi SPR dan ahli-ahli lembaga bahawa dalam *respons* pertama SPR di Pulau Pinang itu, sememangnya mereka telah mengemukakan dua senarai. Satu adalah *respons* yang positif daripada sepuluh cadangan kita dan satu adalah *respons* yang dikatakan belum dapat membuat keputusan untuk melaksanakannya. Tidak juga menolak. Ada beberapa perkara yang menolak itu tetapi saya ingin catatkan dalam minit bahawa memang jawatankuasa ini belum berpuas hati untuk menerima *respons* pihak SPR itu dan pihak jawatankuasa akan membincangkan perkara-perkara yang disebut tidak dapat dilaksanakan ataupun tidak setuju untuk dilaksanakan. Bagi saat ini, kita akan fokuskan sahaja kepada perkara-perkara yang SPR telah pun setuju dan kita ingin membantu bagaimana melaksanakannya dari segi tempoh yang terdekat.

*So*, saya rasa itu amat penting kerana selepas mesyuarat di Pulau Pinang itu, di kalangan ahli-ahli jawatankuasa memang tidak berpuas hati dari segi *respons* bagi rekomendasi yang ditolak ataupun ditunda. Akan tetapi ini untuk catatan sahaja. Jadi hari ini kita fokus kepada perkara-perkara yang SPR telah setuju untuk melaksanakan. *So*, dengan itu kita maju terus ke hadapan. Jemput Pengerusi SPR dan ahli-ahli lembaga lain untuk hadir. *Thank you*.

Sambil menunggu kehadiran, sila maklum bahawa pendengaran awam seterusnya adalah diadakan di Kelantan yakni pada 7 Januari 2012 dan 8 Januari 2012. Difahamkan oleh pihak Setiausaha Bahagian, Parlimen bahawa persiapan-persiapan sedang dilaksanakan dan disusuli minggu seterusnya pada waktu itu iaitu 12 Januari 2012 dan 13 Januari 2012 di Johor Bahru, Johor.



Selesai sahaja dua minggu pertama tahun 2012 ini, pihak jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat khas untuk rumusan dan untuk meneliti syor-syor bukan sahaja yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan oleh pihak SPR tetapi juga kepada pihak awam. Kemungkinan jika masa mengizinkan, cadangan untuk lawatan kerja ke beberapa negara dalam satu rombongan sahaja untuk meneliti perkara-perkara yang kita ingin tangkap dan buat perbandingan. Itu, selepas Pendengaran Awam 12 Januari 2012, dan 13 Januari 2012.

*[Pengerusi SPR dan Wakil-wakil SPR mengambil tempat di dalam bilik Mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi:** Sekali lagi pihak jawatankuasa mengalu-alukan kehadiran Pengerusi SPR, Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof serta Timbalan Pengerusi dan juga *Chief Executive Officer* (CEO) SPR untuk pusingan kedua dari segi meneliti perkara-perkara yang telah pun dipersetujui untuk dilaksanakan. Seterusnya untuk membuat susulan kepada dua perkara. Saya difahamkan pihak SPR ada dua perkara khusus yang dibentangkan pada hari ini. Satu, soal dakwat dan dua barangkali mengenai dengan kedudukan ataupun *polling centre* begitu. Saya hanya maklumkan kepada pihak Tan Sri dan Timbalan Pengerusi apa yang saya telah sampaikan tadi kepada mesyuarat iaitu kita amat berterima kasih atas *respons* yang keseluruhannya memang begitu positif sekali daripada pihak SPR mengenai sepuluh syor utama yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa ini kepada Parlimen.

Daripada *respons* yang telah kita terima, yang kita dengar di Pulau Pinang tersebut boleh dikatakan kira-kira 60% adalah *respons* yang begitu menggalakkan dan begitu positif. Kira-kira 40% *either* ditundakan atau belum sedia untuk dipertimbangkan. Saya ingin sekadar memaklumkan bahawa pihak jawatankuasa akan meneliti lebih dalam mengenai dengan *proposal* atau rekomendasi yang belum diperakui oleh pihak SPR. Pada keseluruhannya memang jawatankuasa berbeza pendapat dari segi perkara-perkara yang belum lagi dapat diterima oleh pihak SPR. Namun saya rasa kami akan membincangkan itu lebih lanjut. Namun hari ini fokus adalah kepada perkara-perkara yang telah pun dipersetujui oleh pihak SPR untuk dilaksanakan.

Tujuan jawatankuasa ialah membantu mempercepatkan itu mahupun itu melalui proses penggubalan peraturan ataupun prosedur-prosedur lain yang perlu. Saya maksudkan juga keperluan-keperluan termasuk kewangan dan tenaga yang mana jawatankuasa ini boleh memainkan peranan untuk memberi penekanan dan barangkali membantu membuat rundingan dengan agensi yang berkenaan. Yang Berbahagia Tan Sri, dipersilakan.

**10.08 pg.**

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat pagi dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa dan hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian. Pertamanya, saya bagi pihak SPR mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli yang telah menjemput SPR bagi menerangkan beberapa perkara yang kita bincang di Sarawak dan juga di Pulau Pinang baru-baru ini. Pegawai saya telah pun mengedarkan maklumat yang saya akan bentangkan di sini kepada jawatankuasa.

Pertama sekali berkenaan dengan penggunaan dakwat kekal, Tuan Pengerusi. Sebagaimana yang diputuskan dalam mesyuarat di Pulau Pinang, Peraturan 19 kepada Peraturan Perjalanan Pilihan Raya 1981 berhubung dengan cara menggunakan dakwat kekal dan juga satu perkara yang lain iaitu orang kelainan upaya (OKU) boleh memilih sesiapa sahaja yang mereka percayai untuk mengiringi mereka pada hari mengundi telah pun digubal dan telah pun dihantar ke Jabatan Peguam Negara.

■1010

Jadi satu perbincangan dengan Peguam Negara juga telah diadakan dan isu-isu yang berbangkit akan dibincangkan juga di antara SPR dan juga Jabatan Peguam Negara dan jika ada pindaan-pindaan di peringkat itu, peraturan itu akan diubahsuai. Itu yang berkenaan dengan dakwat kekal.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi *dateline*, barangkali penghujung Januari bisa dilaksanakan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Sebagaimana yang kita maklumkan dalam mesyuarat yang lepas, berkenaan dengan peraturan yang berkaitan dengan penggunaan dakwat kekal ini, kita telah bersetuju iaitu 1 Februari dan peraturan ini hanya akan *lay on the table* di Dewan Rakyat sahaja dan tidak ada dibahaskan di Parlimen. Jadi saya difahamkan walaupun tiada persidangan Dewan Rakyat ini di bulan Mac tapi kuat kuasa 1 Februari itu diterima dan dibolehkan.

Kedua Tuan Pengerusi, *sample* dakwat kekal ini telah pun dihantar ke Jabatan Kimia dan kita maklumkan dahulu pada 9 Disember dan telah pun dapat jawapannya daripada Jabatan Kimia. Secara kesimpulannya dakwat ini pertamanya ia telus. Maknanya boleh digunakan untuk mengambil air sembahyang, ia tidak menyekat air *go through your skin*. Keduanya ia tahan sekurang-kurangnya kalau kena di *skin, skin on your finger, at least 48 hours* tetapi kalau di kuku sekurang-kurangnya *120 hours about five days*.

**Tuan Pengerusi:** Jabatan Kimia ini di bawah jagaan saya. *So*, saya sendiri telah *question* mereka, betulkah begitu ini. Macam teknikal begitulah yang dulu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Cuma saya agak hairan macam mana *finding* Jabatan Kimia ini jika *silver nitrate* 4% dan 7% dia punya *finding* itu sama, sebab Tuan Pengerusi *silver nitrate very expensive*, ia seperti emas. Jadi kita hendak mendapat maklumat lebih lanjut daripada Jabatan Kimia mengapakah jika 4% *silver nitrate and 7% silver nitrate*, keputusannya sama tetapi di situ mengatakan tidak kurang. Jadi tidak kurang infiniti. Mengikut pandangan daripada negara yang keluaran ini kalau 4% itu tiga hari sekurang-kurangnya. Kalau 7% *silver nitrate* sekurang-kurangnya seminggu. Jadi kita hendak mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut daripada Jabatan Kimia.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Saya ingat tiga hari cukuplah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Tiga hari untuk undi biasa tetapi tujuh hari itu untuk undi awal. Jadi kita tidak mahu masa itu terlalu pendek. Jadi kita akan menghubungi Jabatan Kimia untuk mendapatkan kepastian.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Kosnya jauh larikah *between 4% and 7%*?

**Tuan Pengerusi:** *Cost*, harga.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Tentang kos ini kita belum dapat lagi yang terperinci Yang Berhormat tetapi saya difahamkan kandungan *ink* ini yang paling mahal adalah *silver* itu. Kalau lebih sangat pun Yang Berhormat tidak boleh dan ia akan *irritate skin 13% and above* saya difahamkan ia akan *irritate* kesihatan.

**Tuan Pengerusi:** Kalau hendak kahwin, kemudian ada tanda selama tujuh hari baru boleh buka Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Satu jari sahaja Yang Berhormat, yang lain boleh pakai inai.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Bersangkut dengan jari juga sebab Tan Sri memberikan cadangan ialah bahawa itu akan dicalitkan di atas kuku.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Bukan kuku sahaja tetapi di sini, dari *this part* sampai sini... [Menunjukkan contoh]

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey, saya ada sedikit persoalan kalau untuk perempuan khususnya, untuk wanita kerana ramai wanita menggunakan *nail polish*. Katakan warna *nail polish* itu sama dengan warna *indelible ink* itu. Macam mana kita hendak bezakan? Katakanlah hitam, katakan *ink* itu hitam dan dia pakai *nail polish* yang hitam.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Akan tetapi *ink* ini agak unik warnanya dan saya tengok jarang perempuan pakai *that color* Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Kalau ada, secara kebetulan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Kalau ada, dia berbeza. Kalau wanita itu dia cuma *color* di *nail* tidak pernah sampai ke *skin* Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** *Conclusion is* sampai ke *skin* sedikit.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Sampai *skin*, sampai di sini. Makna kita *brush* kalau sampai masuk di bawah kuku. Kita akan tunjukkan nanti.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** kalau di Indonesia Tan Sri kalau tidak silap saya, pernah saya tengok dia celup.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Di Indonesia celup. Jadi saya melihat dan saya juga melawat Yang Berhormat. Celup kemudian dengan tisu *papemya*, dengan *ink* yang kadang-kadang *tissue paper everywhere and then* sampai celup sampai sini. Jadi kita telah bincang semua perkara itu dan kita bersetuju dengan menggunakan *brush*.

**Tuan Pengerusi:** Jika ada *solution* di kuku itu seperti *nail polisher*, tiada masalah baginya untuk melekat terus juga kepada *nail*, ia boleh menembusi? *I think* kalau pada masa akan datang, kita minta Jabatan Kimia hadir untuk *test* beberapa contoh.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Yang Berhormat, itu saya kata tadi wanita ini dia pakai ini di *nail* sahaja, sampai sini sampai *skin*.

**Tuan Pengerusi:** *I know*. Akan tetapi kita *brush* sampai *nail* kan? Saya nampak itu yang digunakan di satu negara. Okey, nanti mesyuarat akan datang, kita minta Jabatan Kimia.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Kita akan buat demo. Kalau mahu cuba pun boleh, *test*.

**Tuan Pengerusi:** Tahan sampai tahun barulah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** [Disampuk] Tidak adalah Yang Berhormat. Jawatankuasa ini pun sampai April.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Sekarang kalau kita *test*, terus Parlimen bubar dalam masa dua minggu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Tidak ada, *no*. Takkan Tuan Pengerusi benarkan begitu.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Itu yang kita hendak dengar.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Jadi, sekarang apabila sudah mendapat kelulusan daripada Jabatan Kimia, SPR telah menghantar ke JAKIM *sample* yang sama untuk mendapatkan pengesahan daripada Jawatankuasa Fatwa untuk mengesahkan bahawa dakwat kekal ini boleh digunakan oleh orang Islam dan tidak mengandungi *contents* yang haram. Dalam masa yang sama, kita juga akan menghantar ke Kementerian Kesihatan.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Minta penjelasan. Tan Sri kata pandangan JAKIM, Jawatankuasa Fatwa sudah ada sebelum ini ataupun dia untuk dakwat yang lain atau macam mana?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Itu dakwat yang lain Yang Berhormat. Ini dakwat yang baru daripada sumber yang lain. Jadi mesti disemak semula dan sebab itu kita hantar kembali ke Jabatan Kimia.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Soalan saya dahulu kita ada putuskan daripada SPRM mencadangkan supaya warna dakwat ini tidak akan diuar-uarkan sehinggalah hari mengundi baru orang tahu. Sekarang ini kita akan hantar kepada JAKIM, kita akan hantar ke Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan. Tidakkah ini mendedahkan maklumat mengenai dakwat ini jauh lebih awal?

**Tuan Pengerusi:** Kita baru hendak memperkenalkan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Kita sebut di situ status itu rahsia. Kita berharap sangatlah kepada jabatan-jabatan yang mengendalikan perkara ini *classified information* ini sebagai rahsia.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Tan Sri bukankah beberapa opsyen *colour*? Dua tiga *colour* yang diberi, nanti pilih satu pada saat terakhir.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ya, itu di peringkat SPR.

**Tuan Pengerusi:** So, bukan satu sahaja yang diberi?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Keputusan untuk mengedarkan dakwat kekal ini hanya akan diadakan pada petang sebelum pilihan raya *the next day* kepada petugas-petugas SPR semasa kempen demonstrasi kita pakai dakwat biasa. Mungkin warna yang lain, dakwat yang lain dan botol yang lain kotak yang lain, berus yang lain.

#### ■1020

Okey, dan pada hari ini juga Tuan Pengerusi, kita akan demo kan dakwat ini. Kemudian SPR juga akan mengadakan latihan apabila tatacara untuk penggunaan dakwat kekal ini sudah disiapkan, kita akan mengadakan latihan kepada petugas-petugas SPR khususnya dan selepas itu kita akan membuat kempen untuk melaksanakan perkara ini. Ini sangat penting Tuan Pengerusi, apabila penggunaan dakwat kekal ini sebagai satu kaedah menghalang seorang pengundi tidak boleh mengundi lebih dari sekali. Kalau dahulu kita menasihatkan pengundi-pengundi, jangan serah kad pengenalan kepada orang lain sebelum hari mengundi. Sekarang ini mesti ditambah lagi jangan sekali-kali serah jari kepada sesiapa sahaja untuk dikenakan *ink*. Kita akan kenalkan perkara itu, menasihatkan orang ramai untuk menjaga keselamatan ini... [Disampuk]

*Ask for your hand for other things* boleh Yang Berhormat, *but not to ink your fingers...* [Ketawa] SPR pada masa ini sedang memuktamadkan tatacara penggunaan dakwat kekal ini sebab Tuan Pengerusi, penasihat undang-undang saya melihat perkara ini begitu terperinci. Contoh Yang Berhormat, jika sekiranya seseorang itu datang, dia kelihatan secara kasar tidak ada nampak *ink*, dia masuk untuk mengundi tetapi sebenarnya dia sudah mengundi kerana apabila dilihat daftar pemilih, nama dia sudah ditanda. Kalau nama dia sudah ditanda di buku itu, dia sudah mengundi. Dalam keadaan seperti ini, dia tidak dibenarkan mengundi dan kita akan membuktikan bahawa dia telah di *ink* jarinya.

**Tuan Pengerusi:** Jadi ini kes siasatan teruslah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya, kalau tidak nanti kita tidak ada maknanya. Jadi yang penting dua perkara ini, daftar pemilih dan *ink* mesti bersekali.

**Tuan Pengerusi:** So, pegawai-pegawai kita, latihan itu begitu penting, setanding SOP yang perlu dibuat.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ia begini Tuan Pengerusi, dalam latihan, jika sekiranya jari telunjuk *this one* tidak ada, *so* mana-mana jari *from your left hand first*. *Then*, kalau semua jari tidak ada *go to the right hands first*, tengok jari sini. Kalau semua jari tidak ada, *anything* bukan celup. Mana muat celup Tuan Pengerusi, botol dakwat ini kecil sahaja, kita calit di sini. Kalau *this* tidak ada, *no-no it should be the shoulder*. Akan tetapi, *that one very rare*.

**Tuan Pengerusi:** Kaki tidak boleh?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Tidak ada. Tempat yang mudah nampak tetapi *from* pengalaman kita, jarang yang datang sampai tidak ada tangan, tidak ada lengan kebanyakannya datang ada *with this*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tan Sri, kalau seseorang itu datang dan seperti mana Tan Sri nyatakan tadi, kita tidak hendakkan orang bagi jari dia kepada orang lain sebelum mengundilah, tetapi ada orang yang telah pun dicalit tetapi bukan dakwat kekal, hendak serupa macam dakwat kekal umpamalah, hendak hampir serupa macam dakwat kekal, lepas itu dia datang. Kerani SPR...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Kalau pasti yang itu adalah seperti dakwat kekal, boleh dibuktikan itu dakwat kekal, dia tidak akan benarkan mengundi lagi. Kita tengok juga daftar pemilih.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Akan tetapi dia belum mengundilah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Sebab apa kadang-kadang, dia tersilap dengan anak dia, terkena dakwat di rumahkah dan sebagainya tetapi biasanya warna itu berbeza dengan warna dakwat kekal yang kita guna ini.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tan Sri, kalau kita kata kita *refer* balik kepada daftar pemilih, bila kita tengok belum digarishlah nama itu, jadi ertinya dia belum mengundi. Isunya, dia boleh mengundi dua kali di tempat lain atau nama lain, itu *point* nya. Jadi dakwat ini *applicable* walaupun ini belum bergaris, tetapi dia sudah mengundi atas mana-mana nama, atas mana-mana peti undi atau tempat mengundi. Ini kita kena tegas ini, kalau tidak, tiada makna.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Itu saya kata, kita kena semak, kena *check* dahulu, dakwat ini dakwat apa, macam mana calit dia? Kalau tercalit, tempat lain *ink* lain, kita tidak terimalah. Kita akan berlatih tentang perkara ini dengan lebih teliti supaya tidak berlaku seperti itulah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Satu lagi saya hendak tanya, mungkin disebut di sini persediaan tatacara ini akan di *finalize* oleh SPR dan akan dilatih. Cuma yang kita hendak pastikan calitan ini dibuat sebelum kertas undi diberikan. Kalau sudah diberikan, dia *refuse to calit*, payah kita.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** *No*, sebelum kertas undi diberi.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Syarat untuk diberi kertas undi, dicalit dibagi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** *Yes*.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan dijangka diwartakan mulai 1 Februari.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Saya pergi kepada tajuk yang kedua Yang Berhormat iaitu pengundian awal (*advance voting*) kepada anggota tentera dan pasangan, anggota polis dan juga PGA dan pasangan. Pada peringkat ini, SPR masih lagi dalam proses memperhalus, memperbaiki peraturan dan tatacara berkaitan dengan undian awal ini. Draf pun sedang digubal dan masih lagi di peringkat perbincangan kepada yang lebih *detail* sebab Tuan Pengerusi, saya difahamkan apabila perkara ini diperkenalkan satu peraturan yang baru, peraturan-peraturan lain yang juga berkaitan perlu diteliti, *consequential amendments*. Jadi itu yang perlu diteliti supaya ada tidak yang berkaitan dengan peraturan undi pos, peraturan undi biasa dan peraturan-peraturan yang lain yang mungkin juga perlu dipinda. Jadi ini yang perlu diteliti supaya tidak berlaku apa-apa kesilapan...

**Tuan Pengerusi:** Jadi *dateline* dijangka dari peraturannya bila?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** *Dateline* yang ini kita tidak sebut tarikh kuat kuasanya di sini dan kita bercadang untuk *lay on the table, session* bulan Mac lah.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kalau pelan awal dari itu...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Yang Berhormat jangan risau, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan sedia ada berjalan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** SPR belum buat keputusan tentang tarikh kuasa ini ya. Kita akan bincang.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi saya rasa cadangan Tan Sri tadi, *1st of March* itu kita cubalah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita ambil perhatian Yang Berhormat.

Yang 2(b) - Kebenaran ejen calon masuk ke kem-kem tentera dan premis-premis polis untuk tujuan undi awal. Yang ini pun kita telah berbincang dengan pemimpin-pemimpin polis dan juga tentera dan mereka tidak ada halangan untuk membenarkan ejen-ejen parti menjadi...

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi ini pada masa mengundi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Mohd Yusof:** Ya undi awal.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Bukankah kita ada buat cadangan bahawa pengundian awal ini...

**Tuan Pengerusi:** Cuba di luar tempat tetapi kalau di luar tempat...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Di luar daripada kem-kem untuk mengelakkan ambien kem itu jadi tidak timbul perkara ini kalau kita putuskan sekarang.

■1030

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Perkara ini telah dibincang dalam mesyuarat di Pulau Pinang Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak datang.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Katakan nanti kalau di luar suasana itu merayu...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Maaf, saya sudah terangkan. Pada masa itu adalah tempoh kempen rasmi masih belum tamat. Cubalah Yang Berhormat bayangkan dalam keadaan itu, kita membuat pengundian di sekolah tertentu. Sedangkan kempen tidak dibenarkan pun, cukup sukar untuk mengawal kawasan berkenaan. Jadi, dalam mesyuarat di Pulau Pinang telah dipersetujui diadakan di tempat ini. Akan tetapi yang mengendalikan pilihan raya itu semuanya orang SPR. Tidak melibatkan tentera dan tidak melibatkan...

**Tuan Pengerusi:** Wakil-wakil calon tetap ada di sana.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Cuma tempat sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali apa yang ditekankan adalah bangunan yang sesuai dan selesa.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada gambaran-gambaran desakan, begitu semualah. So, barangkali pemilihan dewan yang lebih besar dan terbuka.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya, kita maklumkan kepada pihak...

**Tuan Pengerusi:** Ya, pemilihan itu penting. Akan tetapi wakil calon kita semua, ejen semua boleh masuk.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Boleh. Boleh duduk seperti undi biasa Tuan Pengerusi. Seperti undi biasa mereka ada di dalam bilik, kedudukan itu pun sama.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi isu keselamatan, saya rasa itulah perkara pokok di sini di mana kita utarakanlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Oleh sebab pada masa itu kempen rasmi masih lagi berjalan, ya.

**Tuan Loke Siew Fook:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Calon?

**Tuan Loke Siew Fook:** ...Macam undi biasa?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Macam biasa.

**Tuan Pengerusi:** Ya, termasuk calon boleh masuk.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi calon tidak boleh bawa lambang bila masuk ke dalam kawasan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, seperti biasa.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Boleh, sama semua oranglah bukan sahaja calon.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ejen calon.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ejen calon.

**Tuan Pengerusi:** Kita ada hak untuk masuk.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kemudian yang (c) - Jaminan Terhadap Keselamatan Peti Undi. Ini pun saya telah menjelaskan perkara ini dalam mesyuarat di Pulau Pinang bahawa peti undi ini akan di *seal* dan akan ditandatangani oleh ejen parti apabila peti undi itu ditutup untuk disimpan jika sekiranya memerlukan masa lebih daripada sehari.

Keduanya, mempunyai apa yang kita panggil '*mouse tail*' ya, iaitu yang *one way* itu, bila sudah ditarik, ia tidak boleh hendak di... Ini pun akan dibuat demonstrasi pada hari ini, menunjukkan bahawa kotak undi itu selamat dan tidak memungkinkan boleh lagi masuk kertas yang lain. Sekiranya kotak undi itu perlu disimpan di pejabat pengurus kerana ada lagi esoknya undi awal, ejen parti dibenarkan bersama-sama dengan polis jaga kotak undi itu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Jikalau mahulah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Jikalau mahulah. Boleh, akan tetapi seoranglah. Jangan terlalu ramai. Daftar pemilih, pengundian awal. Yang ini pun sebagaimana yang saya jelaskan dalam perjumpaan kita di Pulau Pinang, yang undi awal ini hanyalah kepada anggota tentera dan pasangan, anggota polis, PGA dan pasangan. Akan tetapi ada di antara mereka ini yang tidak dapat hadir pada hari mengundi awal berkenaan kerana menjaga perbatasan operasi dan kita telah bersetuju *a small number of this group* meneruskan undi secara pos.

Jadi, dalam hal seperti ini, apabila pengumuman Dewan dibubarkan, maka pihak tentera dan polis akan menentukan mana senarai yang mengundi awal dan mana senarai yang mengundi pos. Perkara ini akan diberikan kepada calon yang bertanding pada hari penamaan calon.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tan Sri, isteri kepada anggota tentera dimasukkan sebagai pengundi awal?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Isteri kepada polis tidak lagi dibenarkan mengundi awal?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tidak.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Mereka mengundi biasakan? Kita bersetuju begitu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Yes. Akan tetapi isteri kepada PGA, PGA ini dahulu dipanggil polis hutan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Polis hutan, operasi. Dia tidak ramai.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Operasi, dia tidak ramai, PGA.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Polis biasa ini bermakna...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Polis biasa yang bertugas di kontinjen di bandar...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Di bandar-bandar, tiap-tiap bandar semua dia ada dia punya undi pos dahulu. Ada undi pos *everywhere*. Jadi, isteri-isteri kepada polis ini tidak lagi dibenarkan undi awal sekarang inilah. Mereka akan mendaftar sebagai pengundi biasa, macam mana itu?

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Isteri kepada polis, dia mengundi biasa Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi isteri kepada PGA...

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Isteri kepada PGA, memang di bawah undang-undang. Sejak dahulu lagi isteri kepada PGA memang dia berkelayakan untuk undi pos.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Mereka akan mengundi awallah?

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Isteri polis?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Isteri kepada PGA ini.

**Tuan Pengerusi:** Mengundi awal.



**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Isteri PGA.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ada dalam peraturan kitakah isteri PGA ini?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sekarang ini dalam peraturan undi pos. Ini yang kita akan *transmit* peraturan undi awal.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Kita merasakan PGA sekarang ini semua di kem-kem macam di Batu 7, Cheras ya. Semua duduk dalam kem. PGA ini berubah daripada polis hutan kerana tidak masuk hutan dah. Semua jaga bandar. Jadi...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu yang undi awal itu.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Jadi, tidak perlulah isterinya itu, isterinya. Isterinya seperti polis biasa sahaja sekarang ini. Mereka tidak lagi beroperasi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi kita telah bersetuju dalam perbincangan yang lepaslah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ini kerana ramai itu. Jikalau macam di satu DUN di Dusun Tua itu, banyak peratus, 30% - 40% daripada pengundinya adalah undi PGA itu dan kalau tambah isteri lagi memang...

**Tuan Pengerusi:** Polis jugakan? PGA ini masih ada di sempadan juga tetapi tidak berapa banyak lagilah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya tetapi corak tugas mereka ini bukan seperti polis biasa. Jadi, kita telah bersetuju dahulu yang ini pun dibenarkan mengundi awal.

**Tuan Pengerusi:** *So, convert* sahaja kepada pengundi awal. *So*, seperti peraturan sedia ada, isteri ikut undi pos. Jadi, dia ikut undi awal jugalah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Undi awal.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa sebagai peringkat sekarang ini bolehlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Maknanya, dalam undang-undang ini Tuan Pengerusi, *by default* semua kena mengundi awal. Akan tetapi dalam keadaan tertentu dia terpaksa bertugas di perbatasan, dia kena memohon kepada SPR untuk mengundi pos.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi isterinya boleh mengundi awallah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya, boleh.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, I think* pada saat ini, masa singkat, ikut itu dahulu, kalau mahu, *separate them later*, kalau ada sebab-sebab yang berasaslah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Seterusnya Tuan Pengerusi, (e) - Berkenaan Dengan Doktor, Jururawat dan Wartawan. Sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa yang lepas, SPR telah membincangkan. Pada peringkat SPR, kita tidak boleh menggunakan kumpulan ini untuk undi awal sebab masalah untuk menyediakan pelbagai banyak kotak *everywhere*.

Saya beri contoh, katalah ambil kumpulan wartawan. Katalah 100 orang. Dalam 100 orang itu, mungkin mempunyai 20 kawasan Parlimen ataupun 50 DUN. Jadi, kita hendak menyediakan kotak-kotak undi untuk tujuan undi awal ini menjadi masalah yang besar. Jadi, kita pada masa itu bersetuju supaya dibuat pilihan kepada mereka ini kalau hendak mengundi awal, undi poslah. Akan tetapi Jawatankuasa pada masa itu telah membincangkan dan tidak bersetuju.

Pada masa itu menyatakan bahawa semangatnya sekarang ini tidak mahu menambah lagi bilangan pengundi pos. Jadi, kalau begitu keadaannya, doktor, jururawat dan wartawan ini kekallah sebagai pengundi biasa, di peringkat SPR.

■1040

**Tuan Pengerusi:** Dalam pendengaran awam Tan Sri, memang desakan begitu keraslah bahawa mereka yang bertugas pada masa tempoh mengundi itu, terpaksa *sacrifice* hak mereka; *nurses and doctors* kerana bertugas pada hari itu. Pada masa yang sama, apa yang disentuh oleh Tan Sri tadi bahawa dahulu undi pos. Jadi, perkataan undi pos ini, tidak menariklah dari dahulu. *So*, kita katakan ikut macam pos dahulu tetapi sekarang undi awal. Akan tetapi nampaknya daripada segi *practicality*, saya harap SPR tidak menolakkah tetapi barangkali memerlukan penelitian dan *the practicality we need to be studied further* lah, *I think*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya jelaskan dalam perjumpaan kita di *Penang*, SPR ada dua *option* sahaja. Satu, undi pos iaitu undi awal. Dalam kes untuk tiga buah kumpulan ini, kita dapati *more practical* menggunakan undi pos. Apabila diumumkan sahaja penamaan calon dan kita sudah mengetahui senarai siapa dalam kumpulan wartawan ini yang tidak dapat mengundi pada hari mengundi biasa, jadi kita edarkan undi pos ini di rumah masing-masing ataupun mereka mengambil undi pos itu di pejabat SPR. Selepas itu mereka isi dan kembalikan kepada SPR selewat-lewatnya sebelum pukul 5 pada hari mengundi. *Very simple*. Akan tetapi jika sekiranya hendak mengundi awal, itu yang kita perlu sediakan...

**Tuan Pengerusi:** Itu peti-peti.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Peti undi, tempat mengundi di mana mereka ini berada.

**Tuan Pengerusi:** Macam juga ini *argument* mengenai pengundi rakyat Semenanjung di Sabah, Sarawak dan *vice versa* lah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Soal peti. Begitu juga di luar negara.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi saya rasa pasti ada penyelesaian kalau kita lihat model-model di negara lain Tan Sri. *So* kalau boleh jangan dahulu kita *reject* tetapi sekurang-kurangnya kita pada kali ini barangkali amat sukar. Akan tetapi kita boleh lihat dahulu sistem di negara lain. Ada juga negara-negara lain yang lebih daripada 300 kilometer, ia *provide* untuk ini tetapi memang kerja itu dan *quote unquote*, dengan izin mestilah lebih - *I think we should not roll out first, possibility*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi. Tan Sri, saya faham bahawa hasrat SPR juga ingin membenarkan mereka mengundi dan kekangannya ialah ada pendapatlah bahawa kita cuba mengurangkan jumlah undi pos. Hasrat kita ini untuk memastikan semua rakyat Malaysia mengundi. Masalah yang dialami oleh doktor, jururawat dan wartawan ini masalah benar. Bukan satu masalah yang dibuat-buat. Benar tetapi memang benar kerana pada hari itu mereka bertugas. Ini permintaan ramai daripada rakan-rakan wartawan, doktor, hendak pergi mengundi tetapi tidak dapat. Kalau diperlukan mereka mengundi secara pos, saya rasa kita harus memberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Oleh yang demikian, seperti mana Tuan Pengerusi katakan sebentar tadi bahawa kita jangan buat keputusan sekarang. Kita ada lagi dua buah tempat untuk mendapatkan pandangan. Mungkin dalam keputusan terakhir kita, kita mungkin mencari ruang atau bagaimana kita dapat memastikan mereka memberikan hak demokrasi mereka untuk mengundi ini. Saya harap Tan Sri dapat memberikan perimbangan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ya. Memang di peringkat SPR kita rasa yang *the most practical way of allowing the group is* undi pos. Saya pun tidak nampak bagaimana undi pos ini boleh disalahgunakan sebab mereka ini *individual*, dihantar ke rumah. Bukan ada bosnya di belakang semasa memangkah dan sebagainya. Saksinya pun dia boleh menyuruh isterinya, adiknya, abangnya. Akan tetapi nampaknya sentimen undi pos hendak tambah tidak boleh. Kalau hendak diberikan sebagai undi awal, itu masalah yang saya sebut. Mungkin satu kawasan itu dua orang sahaja kita perlu sediakan satu kotak, pegawai-pegawai, bilik mengundi.

*Another option* yang saya bincang di peringkat *which is* kita tidak pernah buat. Dalam satu kotak itu macam-macam boleh masuk. *We do not have that experience*. Maknanya mungkin dalam satu kotak itu ada 200 Parlimen di situ ataupun beratus-ratus pula DUN. Semua masuk dalam kotak itu.

**Tuan Pengerusi:** Negara lain ada yang menggunakan macam itu Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Negara lain – yang senangnya kalau itu *proportionate*. Ada juga negara ini apabila ada rakyat di luar negara, dia buat ada tiga kerusi. Tiga kerusi Parlimen untuk luar negara. Kita tidak ada. Kita *based on constituency*, perlu diubah. Kalau *proportionate* senang Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Bolehkah kita mengetahui bilangan ramainya doktor, *nurses* dan pemberita-pemberita ini? Kalau kita tahu anggaran angka bilangan itu mungkin kita boleh membuat keputusanlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** SPR pun belum tahu Dato' Seri. Oleh sebab itu, tujuannya...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Can we get from the Ministry of Health?*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ia untuk membenarkan kita berjumpa dengan agensi-agensinya ini sebab misalnya doktor, bukan semua doktor bertugas pada hari mengundi. Mungkin...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Dia bertugas atau tidak bertugas, tidak tahulah pada hari mengundi itu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Kalau mengikut – dia ada *schedule* bila operasinya. *At least* dia boleh jangka.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini bermakna mereka akan membuat permohonanlah untuk mengundi pos.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Yes. Semua perlu buat permohonan. Perlu buktikan pada hari mengundi dia bertugas.

**Tuan Pengerusi:** Sebagai langkah pertama, tidak bolehkah kita bersetuju *at least* masukkan dalam golongan undi pos dahulu. Terpaksa masukkan mereka dalam peraturan hendaklah diubah sebab mereka belum termasuk pada saat ini. *That seems to be the simplest at the moment* lah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Dalam undi pos Tuan Pengerusi, memang kategori ini ada tetapi mereka ini perlu memohon kepada SPR dan buktikan kepada kita...

**Seorang Ahli:** *Nurses, doctors* ada?

**Tuan Pengerusi:** Belum masuk dalam kategori yang boleh memohon?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Tidak. Sekarang ini tidak ada lagi. Kita boleh ubah sahaja.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *They are not automatic. They have to apply.*

**Tuan Pengerusi:** *Of course. They have to apply.*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *We listed* kategori dia, termasuklah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, yang kita *noted* tadi, tidak mahu besarkan lagi undi pos ini. Kita hendak mengurangkan undi pos. Jadi, kalau kita terima juga sebagai undi pos, seluruh isu pengundi pos ini akan berbangkit semula. Oleh sebab itulah saya membaca ke hadapan sedikit ini mengenai undi luar negara itu pun katanya macam undi pos dengan Borang A. Saya rasa ini terutamanya daripada segi menjaga kerahsiaan dan ketakutan khususnya para pelajar kita di luar negara. Saya rasa kalau kita pakai undi pos untuk sistem ini, kita tidak bersetujulah. Kita rasa ia akan menjejaskan seluruh hasrat untuk membolehkan seramai mungkin pengundi.

Oleh sebab itu kita perlu memikirkan juga kemungkinan cadangan supaya memasukkan semua undi dalam satu peti ataupun mengikut negeri, kalau hendak mengurangkan jumlah peti itulah, kemudian proses untuk melantik wakil-wakil atau ejen parti di luar negara. Saya rasa boleh dibuat kaedah untuk mengelakkan daripada kita terpaksa berpaling pada undi pos semula yang kita tidak bersetuju kalau undi pos ini.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Tuan Pengerusi, *I will go to that later.* Kita selesaikan yang ini dahulu Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Kita dahulu mencadangkan supaya mereka ini kalau hendak dibenarkan, supaya mereka ini dibenarkan dalam kategori undi pos. Akan tetapi dalam mesyuarat di Pulau Pinang nampaknya sentimen jawatankuasa pada masa itu tidak mahu...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak mahu tambah undi pos.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof:** Ya, undi pos. Jadi, kalau tidak mahu menambah undi pos dia balik sebagai pengundi biasa.

**Tuan Pengerusi:** Bagi kami di sebelah sini, memang kita sependapat dengan idea untuk mengurangkan undi pos ini. Akan tetapi dalam kalangan kerana cerita begitu banyak daripada segi kawalan dan perkara sulit dan seterusnya tetapi kami berpendapat juga pada masa yang sama kalau *dealing with doctors, nurses and professionals, should be much more easier than* orang biasa. *Because directly hold up the manipulation* mereka hendak bukan mereka yang sebenarnya yang mengundi. Saya rasa kuranglah tetapi pada prinsip dasarnya mengurangkan undi pos ini dan mengundi secara tatacara yang lebih terbuka dan lebih sulit, saya rasa kita setuju dengan itulah.

## ■1050

Hanya mencari penyelesaian kepada mereka ini. Saya masih ingat satu *lady* yang datang di sini sama kita itu tempoh hari itu, satu  *aunty – instead the right of the nurses. They are working. You don't allow them to come and vote, simple like that*lah. Walaupun tidak banyak tetapi isu *is real. So*, barangkali Yang Berhormat Tan Sri kita terus bincangkan ini walaupun kita belum ada ketetapanlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Macam *nurses* Tuan Pengerusi, dia bekerja mengikut syif. Sebab saya baru duduk hospital ya Tuan Pengerusi dia kena ada masa masuk pukul 7 pagi dia keluar ada dia punya tempoh dia pukul 2. Jadi bukan maknanya sepanjang masa dia tidak ada peluang untuk mengundi, kecuali Tuan Pengerusi tempat dia bertugas itu berjauhan dengan tempat dia mengundi. *That's problem*. Bukan sahaja kepada *nurses* iaitu kepada orang lain pun juga. Itu yang tujuan kita itu hendak berjumpa dengan agensi berkenaan, hendak tahu berapa bilangan *nurses*, wartawan dan doktor?

**Tuan Pengerusi:** Akan terus diteliti oleh pihak SPR.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey, *thank you*. Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Wan Ahmad, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Tuan Pengerusi, kita di pihak SPR kita telah kaji sedalam-dalamnyalah. Bermacam-macam-macam opsyen dan malah kaedah pun kita telah kaji. Kedudukan sekarang sebenarnya terserah kepada pihak jawatankuasa. Kalau jawatankuasa pandang begitu berat untuk memberi hak kepada doktor, jururawat dan wartawan mengundi selaras dengan hak mereka di bawah perlembagaan. Opsyen yang paling praktikal buat masa ini yang SPR berupayalah kita sudah bincang kaedahnya, *stepnya* semua iaitu kita kena membenarkan mereka mengundi melalui pos. Itu sahaja pilihan yang nampak.

Kalau kita teruskan juga usaha hendak meletakkan mereka di bawah pengundian awal, SPR buat masa ini tidak berupaya. Sebab ia melibatkan begitu rumit dari segi *technicality* pengurusan pengundian yang mungkin akan menjejaskan kelancaran atau boleh merosakkan – macam-macam perkara boleh berlaku. Jadi kalau kita lihat kepada proses pengundian pos, saya rasa macam Pengerusi sebut tadi tidak ada masalah mereka ini golongan profesional. Kategori yang kita hendak buka pun bukan *hundred percent* semua jururawat di negara kita, tidak. Apa yang SPR fikirkan jururawat yang bertugas di bilik-bilik operasi pembedahan, jururawat yang bertugas di bilik kecemasan begitu juga doktor. Jadi jumlahnya tidak banyak sebenarnya.

Bukan *the total population of doctors and jururawat in our country* bukan. Tentang wartawan pula, mengikut pengalaman kita tahun 2008 kita menerima permohonan wartawan untuk *passes* yang kita keluar dalam 2,000 *passes domestic journalist* ini. Jadi saya kira kalau kita membenarkan mereka mengundi pos dan termasuk doktor dan jururawat yang bertugas di tempat-tempat yang khusus memang mereka tidak boleh keluar daripada tempat mereka bertugas. Saya rasa tidak ada masalah kalau kita – saya nampak tidak ada masalah kita izinkan mereka mengundi secara pos sebab SPR sudah kaji kaedah macam mana kita hendak edarkan kertas mengundi kepada mereka.

laitu apabila tiba pembubaran hari Parlimen, maka mereka yang berkenaan itu sudah tahu sudah pada hari apabila SPR mengumumkan hari pengundian nanti di mana dia akan bertugas. Jadi dia akan membuat permohonanlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Permohonan kepada RO.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Dia akan membuat permohonan kepada RO mengikut undang-undangnya dan perkara itu senang kita SPR dapat menguruskan permohonan itu. SPR juga dapat mengatur kertas undi daripada RO mana untuk diedarkan di dalam *envelope* kepada mereka yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Sebenarnya itu sudah biasalah.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Sudah difikirkan semua Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Hanya kita masukkan tiga kategori ini dalam senarai yang dibolehkan. Okey nanti kami bincang balik di peringkat jawatankuasa itu yang paling senanglah yang saya rasa. Hanya ia bertentangan dengan semangat mengurangkan undi pos begitu. Akan tetapi barangkali pihak sebelah kami sini rela membincangkan semula dengan rakan-rakan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya pun hairan macam mana hendak kurangkan undi pos sedangkan kita hendak membenarkan pula rakyat Malaysia di luar negara mengundi secara pos.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu yang saya hendak *respons* tadi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sekarang ini, sekarang ini, yalah sekarang ini kita hanya membenarkan beberapa kategorilah yang mengundi secara pos daripada luar negara. Terdiri daripada *student* dengan *wife* dia dan pegawai-pegawai awam serta isteri-isteri mereka atau suami mereka. Sekarang kita hendak membenarkan rakyat Malaysia di luar negara pula mengundi secara pos itu akan menambah lagi bilangan lagi bukan mengurang. Polis, doktor dan *nurses* saya ingat tidak sampai pun 10,000.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tidak sampai.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kalau hendak mengundi pun.

**Tuan Pengerusi:** Okey, nanti kami akan bincang sekali.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak mengapalah kita bincang.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** So, saya pergi kepada yang ketiga Tuan Pengerusi, pengundi tidak hadir luar negara. Jadi sekarang ini di peringkat SPR, pada masa ini pengundi tidak hadir yang dibenarkan mengundi secara pos di luar negara kita sudah tahu ya pegawai kerajaan dengan isteri, penuntut sepenuh masa dan isteri. Sekarang ini kita hendak meluaskan kepada semua Malaysia yang berada di luar negara untuk dibenarkan mengundi secara pos. Di peringkat SPR, kita hendak memastikan kategori *Malaysian* ini. Kategori *Malaysian* yang macam mana yang boleh kita benarkan untuk mengundi pos.

Banyak negara-negara yang mengendalikan undi pos di luar negara ini dia ada mengenakan syarat-syarat tertentu seperti negara Singapura mengenakan syarat pengundi itu ataupun pengundi pos itu mestilah balik ke negara masing-masing sekurang-kurangnya sekali setahun. Balik ke Singapura. Kemudian, ada juga beberapa negara mempunyai syarat-syarat yang berlainan.

Keduanya, kita juga hendak memastikan adakah kita benarkan rakyat Malaysia yang mempunyai warganegara lain contohnya untuk mengundi juga di negara kita. Di negara Amerika pula, kalau pengundi pos itu hanya dibenarkan kepada rakyat Amerika yang membayar cukai, *tax payer* ke negara mereka.

Jadi semua kategori ini kita perlu kaji. Kita tidak mahu rakyat Malaysia yang duduk di negara luar, masih rakyat Malaysia tetapi langsung tidak ada *attachment* pernah berjumpa di pejabat kita cakap Melayu pun tidak boleh. Langsung tidak tahu tetapi hendak mengundi pos. Begitu lama tidak balik ke negara ini. Jadi semua benda ini kita perlu kaji dan setidak-tidaknya mereka tahu kawasan mereka macam mana rupanya, wakil rakyat bagaimana, Parlimenakah, DUNkah dan sebagainya. Kategori ini kita hendak pastikan.

Keduanya, di luar negara ini ramai penuntut-penuntut dan pegawai kita pos sendiri yang bertugas di luar negara tidak membawa kad pengenalan. Kita hendak beri kelonggaran *instead of using* kad pengenalan kita hendak benarkan mereka menggunakan *international passport*. Sebab di *international passport* itu ada nombor kad pengenalan.

Jadi bagi mereka ini yang berada di luar negara kita mesti pastikan mereka mudah untuk mendaftar. Jadi kita telah pun melantik ramai penolong-penolong pendaftar di setiap *embassy* kita. Mereka boleh memohon untuk mendaftar sebagai pengundi bagi mereka yang belum mendaftar ataupun mendaftar menjadi sebagai pengundi tidak hadir kalau mereka sudah berada di sana. Itu kategori untuk mendaftar sebagai pemilih. Mereka juga boleh menghantar terus kepada ibu pejabat SPR di Malaysia dengan mendapatkan boranganya secara *download online*. Itu kategori yang kita sedang bincang Tuan Pengerusi.

Kedua, apabila ini sudah diselesaikan apa kaedah yang terbaik untuk mereka ini membuat pengundian pada hari mengundi. Kita telah berbincang dengan panjang lebar lebih kurang empat jam dengan Wisma Putra.

#### ■1100

Wisma Putra yang sepatutnya *overall* boleh tahu *Malaysian* yang berada di luar negara. Kita belum cerita lagi *students* yang berada di luar negara. *So many agencies* yang menghantar *students* ke luar negara. *State government*, yayasan, majlis agama Islam, *private*, MARA, yang paling ramai *private*. Mereka ini kebanyakannya tidak mendaftarkan diri mereka, *address* mereka di kedutaan-kedutaan. Jadi setelah berbincang panjang lebar dengan mereka, kalau hendak diadakan dalam konsep undi awal, memang tidak boleh buat. SPR tidak ada upaya untuk melakukan.

**Tuan Pengerusi:** ...Kecuali masuk dalam satu *box*. Campur-campur.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu perkara yang lain. Perkara yang tidak ada dalam undang-undang. Kita punya pandangan, kalau hendak membenarkan *Malaysian* yang dibenarkan untuk mengundi yang lebih praktikal adalah secara pos.

**Tuan Pengerusi:** Dengan kriteria-kriteria yang dibincangkan tadi, berapa lama *embassies* begitu semua.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itulah. Maknanya kita hantar kepada *mailing address* mereka, *correspondent address* mereka ke rumah masing-masing. Setelah mereka isi, dia hantar kepada *envelope* yang sudah ada alamat RO itu... [Disampuk] Sama ada mereka hendak hantar ke *embassy* ataupun *send direct to* RO berkenaan dengan menggunakan – bukan pejabat pos tetapi menggunakan pos laju iaitu...

**Tuan Pengerusi:** Mekanisme sudah ada? Pakai sahaja macam yang sedia ada sekarang?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pakai yang sedia ada.

**Tuan Pengerusi:** Pegawai-pegawai *embassy* dan pelajar?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *Just widen category.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Postage* siapa bayar?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Postage* mereka bayar. Takkan kita hendak bayarkan Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak, sahaja tanya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Negara lain pun mereka bayar, pengundi bayar. Akan tetapi semasa kita menghantar kepada dia, kita bayar tetapi semasa mereka hendak hantar ke RO.

**Tuan Pengerusi:** Ertinya dalam kepala, undi pos juga yang paling senang.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itulah. Bukan sahaja senang Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Praktikal.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Praktikal.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Cuba Tuan Pengerusi bayangkan berapa *embassy* kita, 150 lebih untuk kita menyediakan kotak-kotak undi. Kalau di Amerika, kita mungkin letak kotak undi satu di Washington, LA, Chicago dan New York. Bagi mereka yang duduk berjauhan dengan tempat ini, mungkin mereka tidak dapat hendak datang. Oleh sebab itu saya cadangkan tadi, *the most practical is* undi secara pos. Kita hantar kepada *mailing address* masing-masing *and then they fill up.*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Pihak Jawatankuasa nanti kita bincang lebih dalam lagilah. Nampaknya ada beberapa perkara yang *not as practical* dengan izin...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yes, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Saya ada dua respons. Pertamanya berkenaan dengan kategori seperti yang dikatakan oleh Tan Sri. Pertamanya respons saya ialah hak untuk mengundi untuk warganegara kita, ia tidak boleh datang dengan syarat. Tadi Tan Sri mengatakan bahawa contohnya ada yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Saya punya *argument* ialah *even* pengundi di negara kita sendiri pun mungkin ada golongan generasi tua yang tidak boleh bercakap bahasa Melayu dengan fasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Contoh sayalah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Jadi ia tidak boleh ada syarat kepada warganegara di luar. Itu respons saya. Jadi jika kita kata hendak adakan syarat untuk kita membenarkan warganegara di luar itu untuk dibenarkan mengundi di luar negara, saya rasa itu agak sukar untuk dilaksanakan. Ini kerana dalam perlembagaan, ia tidak ada syarat. Selagi dia warganegara, dia boleh mengundi, dia ada hak untuk mengundi, hanya cara dia mengundi di mana. Itu yang pertama.

Keduanya, kebimbangan bahawa Tan Sri katakan kalau orang itu sudah dapat warganegara negara lain. Itu saya rasa tidak timbul isu. Kalau orang itu sudah mendapat kewarganegaraan di tempat lain, automatik dia punya warganegara dalam Malaysia dilupuskan.



**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tidak automatik Yang Berhormat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sepatutnya ini...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kalau dia tidak beritahu?

**Tuan Loke Siew Fook:** Sepatutnya dalam undang-undang dia tidak boleh ada dua *citizenship*. Ada juga contoh di Sarawak, dia tidak boleh ada dua *citizenship*. Sepatutnya dia dilupuskan daripada kewarganegaraan kita.

Akan tetapi, ini berkenaan dengan kategori. Keduanya ialah cara. Saya rasa tujuan kita dalam Jawatankuasa ini, kita telah bincang di peringkat awal. Tujuan kita yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi ialah *open the tab* untuk membenarkan warganegara kita di luar untuk mengundi secara *overseas voting*, cuma mekanismenya. Kita boleh terima kalau katakan untuk PRU ini, kalau *advance voting* itu terlalu *complicated* untuk dilaksanakan. Mungkin kita *at least* kita cuba dahulu untuk memperluaskan PTH (pengundi tidak hadir) ini, iaitu menggunakan mekanisme yang sedia ada melalui pos, tetapi kategori itu perlu dibuka.

Ini kerana saya lihat respons di sini bahawa kategori ini masih kita hadkan kepada kategori-kategori sedia ada, pelajar sepenuh masa dan sebagainya. Akan tetapi apa yang kita hendak ialah bukakan kategori ini kepada sesiapa sahaja di luar negara. *At least* dia warganegara, dia duduk di luar, sama ada dia bekerjakah ataupun ada urusan lainkah, tetapi kalau dia daftar sahaja, dia dibenarkan mengundi seperti PTH.

**Tuan Pengerusi:** Undi poslah untuk saat ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya. Undi pos itu sepatutnya kalau dia hantar balik kepada *embassy* kita, jadi mungkin sebelum hari pengundian *embassy* itu akan hantar balik kepada Malaysia dan diagihkan kepada kawasan-kawasan yang berkaitan. Akan tetapi cumanya mekanisme bagaimana kita mengetahui jumlah pengundi tidak hadir ataupun jumlah *overseas voter* di setiap kawasan Parlimen dan DUN sebelum hari mengundi. Ini supaya kita tahu, katakan ada satu kawasan Parlimen 'A', kita tahu sebelum hari pengundian dia ada 300 *overseas voter*, pengundi tidak hadir. Katakan majoritinya kurang daripada 300, jadi kalau majoriti dalam kotak-kotak undi kita di dalam negara kurang daripada 300, maka pengundi-pengundi di luar ataupun *overseas voter* ini akan memberi kesan kepada majoriti. Jadi kita boleh tahu sebelum kita mengumumkan keputusan. Jadi mekanisme itu saya rasa boleh dilaksanakan kalau seperti sedia ada.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya Yang Berhormat. Saya tadi memberi contoh. Semua negara yang mengadakan undi pos di luar negara, dia tidak memberi *just free like that*. Ia mesti ada syarat-syarat tertentu. Akan tetapi dari segi prinsipnya, kita hendaklah membenarkan *Malaysian* yang berada di luar negara ini yang *more than certain duration* mengundi. Kita tidak mahu dia pergi berjalan ke sana dalam masa yang pendek ataupun tidak pernah balik-balik 20 tahun, 30 tahun daripada kecil hendak mengundi. Adik-beradik dia pun tidak pernah jumpa. Contoh ini sebab kita belum putus.

Itu maknanya di peringkat SPR – contoh ini sebab ini termasuk saudara-saudara saya, anak saudara saya di luar negara berpuluh-puluh tahun tidak balik. Jadi dalam hal seperti ini, kita perlu kaji dengan teliti. Beri SPR peluang supaya beri syarat-syarat, bukan terlalu ketat, ada syarat tertentu. Negara-negara lain pun begitu juga. Apabila kita sudah putus begitu, kita beri peluang untuk mendaftar ini semudah mungkin. *Once we have that*, jadi kita dapatlah tahu berapa ramai jumlah pengundi tidak hadir ini yang berada di luar negara bagi satu-satu kawasan *much earlier than polling day*.

Jadi kita boleh tahu – mungkin contoh seperti di Singapura, tidak ada satu kerusi itu pun yang memberi kesan majoriti kepada undi Singapura, bilangannya terlalu kecil. Ini kerana mereka datang daripada - kalau Parlimen itu, di sini 222, kalau DUN 500 lebih. Jadi, kita akan dapatkan senarai itu, bilangan mereka dan sebagainya.

Cuma sekarang ini di peringkat kita mestilah bersetuju sama ada undi pos yang kita cadangkan di peringkat SPR ataupun kaedah lain. Di peringkat SPR berpandangan yang *the most practical* pada masa ini, keupayaan kita pada masa ini adalah dengan undi pos. Cuma kita hendak *level of trust* itu Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Saya rasa kita terbuka kepada perkara tersebut. Memanglah kalau kita lihat negara-negara lain, ada satu *comparative study* daripada 13 negara memang ada syarat, *one from another. Like Australia you cannot be more than seven years consecutively away.*

■1110

Saya rasa syarat-syarat itu pihak SPR boleh mulai fikirkan ataupun saya bercadang misalnya, selepas selesai kita punya pendengaran awam ini, kalau kita jemput dengan bantuan SPR, dua tiga negara untuk ceritakan kepada kita, bagaimana mereka *handle foreign voting* dengan negara mereka. *How do they handle* undi pos dan seterusnya. *But*, untuk *immediate-* tetapi ini bercanggah dengan prinsip yang kita katakan tadi, kurangkan undi pos tetapi sebelah kami disini *actually, we are practical also to look at the problems*. Mungkin peringkat pertama, membuka kategori itu sahaja tetapi kalau *foreign* ini, memang ada syarat jugalah tetapi kita terbuka membincangkan apa syarat-syarat.

Macam tadi *nurses* dan *doctors* dan jururawat, kita buka sahaja dahulu. Nanti mereka boleh mendaftar dan kita tengok *how many actually. Are the numbers a real concern for us* dan *it will affect election unfavorably?* Barangkali apabila kita melihat itu *foreign* negara kita ini, menambahkan undi pos itu dengan mekanisme yang boleh diterima. Barangkali bukan betul-betul masalah, kami ini terbuka untuk membincangkan. Akan tetapi saya rasa konsep dia tidak ideal membolehkan tetapi unik mengenai dengan pengundi luar negara ini memang ada syarat terikat. Akan tetapi syarat itu *we are willing to study* bersama. Tiga bulan lagi.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya rasa SPR ini tanggungjawab dia untuk melaksanakanlah, dasar untuk kerajaanlah yang membuatnya. Dalam konteks ini saya rasa syarat-syarat ini, *if ever there will be syarat, should come from the committee*. Kita akan bincang berapa tahunkah, cukaikah, apa bendakah tetapi *once decided* agaknya, sesiapa, tidak kira SPR, tidak kisah siapa-siapa pun, kalau *the government says everybody can, then I hope* SPR kena terima macam itulah. Cuma kita kena *educate the people outside the country*. Akan tetapi saya bersetuju dengan Rasah supaya *we start, we open the tap* supaya semua rakyat berpeluang. *Some other countries probably, I do not know* Australia has been mentioned tadi ini. *Probably it is part of their constitution that only seven years* mungkin tetapi kita dalam perlembagaan itu tidak ada. Takkanlah dalam konteks ini kita hendak pinda pula perlembagaan. Kita hendak cuba *avoid going for the perlembagaan punya amendment*. Jadi, saya rasa setakat ini kalau ada apa-apa syarat, *let it come from the PSC* yang akan *proposekan* kepada kerajaan untuk melaksanakannya.

Kalau kita tanya Tan Sri, permohonan kepada pengundi-pengundi luar negara ini, kalau kita katakan halangannya ialah *it is going to be messy* dengan terlalu banyak peti undi, kita akan *diridicule*. Ini kerana kalau itulah masalahnya, takkanlah kita tidak boleh selesaikan, dengan peti-peti undi.

*What is the cost implication* misalnya, akan ditanya begitu. Apa yang orang hendak dilaksanakan dahulu bukan masalah kewangannya. Betullah itu praktikal *problem* tetapi takkan tidak boleh diselesaikan dengan cara yang tidak melibatkan kos yang tinggi, namun kita masih ada lagi peti-peti undi yang berbeza.

Saya cenderung bersetuju kalau tidak dapat dibuat 222 peti-peti undi disusun begitu ataupun di mana-mana seluruh kawasan di luar negara itu tetapi beberapa tempat tertentu dengan melonggokkan semua undi di dalam satu peti boleh difikirkan, kemudian parti-parti akan melantik agen-agen dia di sana untuk memastikan apabila peti dibuka, diswapkan mengikut kawasan. Saya rasa itu dapat meredakan masalah undi pos. Itu cadanganlah, boleh kita bincangkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa cukup bagus. Dari itu kita mesti cukup terbuka kepada perkara ini dalam banyak idea-idea, hendak dapatkan keterbukaannya SPR. Hanya isu praktikaliti perlu dibincangkan seterusnya. Bagi pihak sini, kami boleh mengatakan bahawa proses perkara ini masih dalam perbincangan dengan SPR, meneliti *the practicality of things*lah saya rasa.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tadi Yang Berhormat, kami telah berbincang dengan Wisma Putra. Wisma Putralah ataupun *Malaysian Students Department* yang boleh membantu kita. Jadi, pada pandangan mereka begitulah.

**Tuan Pengerusi:** Apa yang penting, *we are almost concurring*, hanya *this issue of* meningkatkan jumlah undi pos ini, prinsipnya. Akan tetapi itu yang paling, *I think practical* tetapi kami perlu bincang seterusnya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Untuk makluman Tuan Pengerusi, di UK, bilangan undi pos ini, makin lama, makin meningkat sekarang. Sesiapa sahaja boleh memohon untuk mengundi pos.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya. Mereka tidak mahu datang ke pusat mengundi.

**Tuan Pengerusi:** So, itu Sabah dan Sarawak itu boleh undi pos.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu di UKlah Tuan Pengerusi. Contohnya, *the level of trust*, itu Tuan Pengerusi. Mereka di sana mengundi tidak perlu bawa IC. Beritahu nama sahaja. *John something or John*. Itu sahaja. Tidak ada bawa IC, tidak ada apa.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini pasal banyak pembangkang juga ini.

**Tuan Pengerusi:** *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey, Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Yang Berhormat, boleh saya *chip in* sedikit?

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Memang SPR ini pelaksana dasar ya. Keputusan dibuat oleh kerajaan ataupun Parlimen. Akan tetapi kita memberi hak, kita berusaha untuk memberi hak kepada rakyat supaya mengundi. Jadi, kalau kita buat secara pos sekalipun, kalau rakyat dapat mengundi, kita patut terbuka dalam perkara ini. Akan tetapi kalau kita buat satu kekangan, satu halangan, hendak bagi rakyat mengundi tetapi jangan undi pos. Jadi, kita ada satu objektif tetapi kita pula sekat untuk mencapai objektif itu. Jadi, bagi kita SPR ini, kita pelaksana, kita kena bercakap dari segi realiti. Kita tidak boleh cakap andaian.

Kita sudah menyemak pelbagai negara, tidak ada satu negara pun di dunia yang memberi 100% hak rakyat dia mengundi tanpa ada kriteria. Tidak ada. Boleh semak di mana-mana pun. Kita sudah semak. Jadi, pelbagai negara, *Canada* lima tahun hendak kena balik sekali pada *Canada*, at *Australia* tujuh tahun, *Singapore* kena balik satu tahun. US lagi ketat, kena bayar *tax* kepada kerajaan dia. Itu negara-negara demokrasi maju. Kita tidak boleh ambil contoh kepada negara yang kurang maju daripada kita.

Jadi, saya rasa kalau kita hendak membuka hak rakyat kita di luar negara mengundi, kita jangan terpengaruh sangat dengan perasaan kurang yakin dengan sistem itu sebab Yang Berhormat-Yang Berhormat faham, kalaulah rakyat di luar negara, dia mendaftar dan SPR berupaya memastikan kertas undi sampai ke tangan dia melalui sistem *updating address* yang kita hendak buka, yang pada masa akan datang. So, kita sudah beri perkhidmatan yang terbaik. Rakyat dapat kertas undi dia. Itu peranan SPR. Jadi, kalau kita hendak buat satu peraturan pula, hak kita kena bagi tetapi jangan melalui pos, kena buka. Pihak SPR telah bincang secara mendalam Yang Berhormat, kalau kita buka pengurusan pengundian di luar negara, pertama sekali dari segi keadilan hak. Kita ada lebih kurang 150 *Malaysia mission abroad*. Kalau kita pilih *on selective basis* dan negara yang besar sahaja, rakyat Malaysia di negara-negara kecil akan berkata, "Eh, kenapa pula mereka buka di UK, di Australia, di US sahaja? Kenapa tidak di tempat lain?". Okey.

Katakanlah daripada 150 *Malaysian mission abroad* itu kita pilih 50 *mission* cukuplah. 50 *mission* Yang Berhormat, untuk hendak membuka pusat mengundi, katakanlah seperti Yang Berhormat Kuala Krai sebut, kita buat longgokan, masukkan semua kertas undi dalam satu peti Parlimen, dalam satu peti DUN. Ia melibatkan pula hendak kira di mana. Hendak bawa balik peti itu ke Malaysia dan hendak kira selepas hari pengundian di sini selepas jam 5 petang ataupun hendak kira di luar negara sebelum, pada hari pengundian. Kita kena tengok pula *time zone* setiap negara itu. Kita sudah fikir, kalau kita betul-betul hendak membuat benda ini praktikal, kita kena terima hakikat. *As long as* rakyat Malaysia terima kertas undi, itu hak dia, maka tanggungjawab dia mengundi. Kalau *he wants to be sure that his ballot* sampai *at the right time*, itu hak dia hendak menghantar macam mana sekalipun.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Jadi, kita sudah bincang dengan Wisma Putra Yang Berhormat. Wisma Putra sudah beri keupayaan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Kalau dia cukup bajet, bajet ada daripada pihak SPR dan kerajaan, mereka dapat membuat *special diplomatic force* untuk hendak menghantar segala itu supaya balik kepada ibu pejabat SPR dan ibu pejabat SPR *will redistribute* kepada semua RO di seluruh negara *on time*.

■1120

Ataupun kita boleh kira di ibu pejabat SPR, kertas undi itu dan kita akan fakskan borang 14 keputusan itu kepada RO seluruh negara. Macam-macam cara kita sudah fikir. Sebab itu kita...

**Tuan Pengerusi:** Okey ya Datuk Wira. Saya rasa keseluruhannya kita terbuka. Kita juga sedar mengenai dengan cabaran *practicality*. Hanya perkataan undi pos itu sebelum ini barangkali banyak *hang up* lah.

Jadi kalau kita boleh *reinvent* ya dengan nama lainkah dan *procedure* yang lebih cekap dan lebih *transparent, we are interested to look at that more. I think* ahli-ahli jawatankuasa yang lain kita tidak harus singkirkan sahaja konsep undi pos ini, ia mempunyai peranan yang begitu penting sekali.

Saya bercadang selepas pendengaran awam, barangkali suatu sesi *just* bicara mengenai dengan undi pos perkara ini. Undi dari jauh menggunakan mekanisme *without comparison*. Apakah penambahbaikan yang SPR ingin mencadangkan untuk mengikis salah faham atau tanggapan sebelum ini misalnya. *So*, saya rasa kita terbuka. Kita putuskan nanti dalam masa terdekat ya.

Akan tetapi kami minat khususnya untuk membuka ruang itu tetapi untuk undi luar negara memang datang dengan syarat tetapi syarat itu perlu kita bincang bersama mana yang bukan sekatan kepada mana-mana rakyat Malaysia melaksanakan hak mereka juga. Akan tetapi keseluruhannya Tan Sri dan Datuk Wira kami terbuka dengan itu dan kami sedar. Okey, *next*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Nanti kejap. Yang Berhormat saya ingat kebimbangan pihak-pihak tertentu terhadap undi pos ini mereka bimbang takut ada tambahan. Undi itu dihantar tiba-tiba ada lebih banyak. Akan tetapi prosedur dia memang begitu. Bila sebelum dihantar kita ada *polling agent* untuk hendak memastikan berapa kertas undi itu dikeluarkan. Begitu kan. Jadi kalau katalah ada 12,523 kertas undi di tiap-tiap satu kertas undi itu bila disebut nama itu sebelum dimasukkan dalam *envelop* itu *polling agent* ada di situ dan dia kira bukan. Betul begitu. Jadi kalau ada 12,500 kertas undi yang dihantar katakanlah ataupun 120,000 kah, 120,345 dihantar kepada kesemua negara, bila balik semula dia tidak lebih daripada itu. Itu sahaja lah.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi ini yang membimbangkan pihak yang...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Akan tetapi orang tidak faham bahawa undi pos memang begitu. Sebelum dihantar, dikeluarkan, dikira oleh *polling agent*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi semasa hendak dihantar tidak adalah *polling agent*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Masa pengeluaran?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Senarai itu yang mana pengundi-pengundi ini tidak hadir di luar negara telah sedia berapa ramai di *London*, berapa ramai di Washington DC berapa ramai dan diberi kepada calon-calon sebenarnya. Untuk urusan menghantar ini, urusan SPR lah Yang Berhormat iaitu mengikut *address* masing-masing, *correspondent address*. Akan tetapi semasa mengira itu ada *polling agent*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Saya ingat kalau undi pos dihantar melalui pos, mereka hantar balik melalui pos itu sahaja lah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Yes*, mungkin ada yang hantar, ada yang tidak mahu hantar.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Balik pada *reality*.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa jumlah itu tidak banyak masalah sebab dia tidak boleh melebihi daripada dikeluarkan dan boleh dibuktikan siapa-siapa. *Hang up* dulu ialah bukan si penerima namanya itu yang mengundi. Itu isu lama itu. Di kemlah, di balailah. Kalau kita boleh pastikan proses itu tidak menjadikan begitu. Saya rasa salah tanggapan itu kita boleh kikis Tan Sri.

Oleh sebab jumlah itu *not so difficult* kecuali tiba-tiba lebih daripada yang dikeluarkan. Itu masalah. Akan tetapi hairan itu boleh terjadi kecuali dia pergi cipta balik kertas undi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Begitu Tuan Pengerusi. Selalunya jauh lebih kurang daripada yang dikeluarkan, undi pos. Sebab ramai tidak memulangkan ya.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi kalau kita hendak fikir bila hantar luar negara siapa yang pangkah kertas itu? Siapa yang jadi susahlah. *That is why I said, level of trust.* Banyak negara-negara dia tidak fikir itu. Dia ada *must be the right person to send back to us.*

**Tuan Pengerusi:** Next Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Yang muka surat tujuh Yang Berhormat. Senarai pemilihan ragu, 42,000 itu yang akan di serahkan kepada ahli-ahli. Ya, sudah serah ya?... Belum ya? Saya harap diserahkan. Berapa buah? Sudah bagi katanya. Dalam CD, dalam bentuk CD. Sebenarnya di peringkat SPR kita sudah beri kepada parti politik, kepada peringkat negeri. Cuma dulu keputusan kita hendak diedarkan kepada ahli-ahli jawatankuasa di sini.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang saya maksudkan kita ada berapa ribu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Senarai 42,000.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Senarai 42,000 dibahagi-bahagikan mengikut DUN. Jadi, ada pun mengikut Parlimen. Katalah Parlimen Kangar ada lima DUN. Jadi dalam Parlimen Kangar ada lima DUN. Ada 245 orang terdiri daripada DUN A, 54 ini. Jadi hantar kepada Parlimen Kangar begitu. Jadi Parlimen Kangar dia boleh edarlah kepada DUN dia. Okey, ini 24. Engkau sana, 37. Jadi senang untuk DUN-DUN itu dia *monitor* dalam masa seminggu dia boleh dapat *feedback*. Okey dalam masa 44 orang, saya dapat kesan begini, begini, begini...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Di dalam CD itu memang dibahagikan mengikut...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Mengikut DUN.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Mengikut DUN, mengikut Parlimen. Ini telah pun diedarkan lama sudah kepada parti-parti.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak dapat lagi ini. Dapat sudah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ada kepada parti peringkat negeri.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Oh negeri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ada. Kita ada yang setengah sudah dapat *feedback* pun.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Negeri Kelantan tidak dapat lagi kot.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** [*Ketawa*]... Ada, ada. Maknanya berkenaan senarai pemilih ragu itu sudah diedarkan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sampai bila Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya?

**Tuan Loke Siew Fook:** Untuk senarai pemilihan awam ragu ini dia punya pameran itu sampai bila?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sampai hujung tahun ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Pada 31 ya?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pada 31 Disember.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey lepas itu apa tindakan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kalau misalnya tidak ada yang datang melaporkan kepada JPN dan kepada SPR, nama-nama ini akan digugurkan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Namanya akan digugurkan? Di kawasan saya ini ada banyak orang ini yang hidup lagi, yang meninggal pun ada daripada senarai yang saya terimalah di kawasan saya. Bila saya sebut nama, saya buat perjumpaan. Saya sebut nama sekian, sekian. Seorang itu akan jawab, '*Saya kenal dia*'. '*Memang di mana ini?*' Dia cakap, '*Ini mak mentua sekian si polan si polan*'. '*Siapa dia?*' '*Oh, yang rumah tu*'. Jadi semua bersetuju. '*Oh ya, dia itu sakit teruk. Dia duduk terlantar di rumah*'. Akan tetapi masih hidup. Ada yang pula kata, garu kepala. '*Allah, yang ini meninggal lama sudah*'. '*Bila?*' '*Ada berbelas-belas tahun sudah*'. *How do you prove that one?* Jadi kalau kita biarkan itu, dia dikeluarkan lah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Yes.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Okey lah kalau begitu. Yang hidup yang susah ini. Akan tetapi pun..

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Yang hidup hendaklah dimaklumkan kepada JPN.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kepada JPN atau kepada SPR?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Oleh sebab kita tidak dapat hendak...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kepada JPN?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** No, JPN dahulu.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Dia begini Yang Berhormat. Maaf ya. Dia 42,000 itu adalah hasil daripada semakan kita dengan JPN yang JPN sudah jawab secara rasmi *confirm* tidak ada rekod di JPN.

**Seorang Ahli:** Tidak ada rekod JPN?

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Ya, tidak ada status di JPN. Yang lain JPN sudah *confirm* mati, sudah *confirm* status warganegara. Macam-macam lah. Kita sudah semak, sudah serah 12 juta lebih kepada JPN, inilah hasilnya 42,000. Jadi kalau mereka ini ada maklum balas, kalau parti politik ada maklum balas tentang individu dalam senarai itu pertama sekali kena pergi JPN lah *update*. SPR bergantung kepada rekod rasmi JPN.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Yes, true.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Jadi kalau ada *next of keen* kah? Siapa-siapa...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya, ya. Akan tetapi dia ini terlantar di rumah. Dia sakit duduk di rumah. Macam mana hendak kita buktikan dia itu hidup. Ini yang susah soalnya itu. Sebab dia bertanya kepada saya, '*Dato', kawan ini Kak Minah binti Lebai Hashim ini dia memang ada di rumah tetapi dia ada sakit bertahun-tahun duduk di rumah ini. Macam mana Dato' kita hendak buktikan bolehkah kita hendak membawa dia, hendak bawa siapakah hendak pergi kepada JPN?*' Itu mereka tanya kepada saya. Jadi macam mana hendak jawab?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ini pandangan saya, mungkin ada pegawai JPN di sini. Saya tidak pastilah orang yang sakit itu ada dokumen diri ataupun tidak.

Ada kad pengenalan kah, ada surat beranak kah dan sebagainya. Setidak-tidaknya dokumen itu *relative* dia, dia sakit macam mana hendak datang. Ataupun pegawai JPN pergi ke situ di peringkat negeri ataupun peringkat daerah, pegawai-pegawai JPN ada. Untuk *confirm yes* orang ini masih hidup. Ini dia punya surat beranak dan sebagainya barulah boleh diperbetulkan di pihak JPN. Apabila diperbetul di peringkat JPN, barulah SPR boleh *update* kita punya maklumat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi masalahnya Tuan Pengerusi, kalau orang itu maklumat dia tidak ada dalam JPN, bagaimana nama dia ada dalam senarai pemilih? Itu mesti ada *conflict*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu kita tidak tahu Yang Berhormat. Ini daripada begitu lama. Kita mengikut peringkat JPN, dia kata potong sahaja. Potong sahaja.

■1130

**Tuan Loke Siew Fook:** Kalau kata dia sudah meninggal, dia tidak mendaftarkan kematian itu, mungkin itu ada kemungkinannya. Akan tetapi orang yang masih hidup, dia kata kalau dia langsung tidak ada dokumen, *I mean* saya tidak boleh *relate* bagaimana nama dia boleh ada dalam daftar pemilih?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu kita kena semaklah macam mana? Kita pun sendiri tidak tahu, itu yang kita hendak *verify*. *That's why we* pamer, *display* supaya *relative* dia datang, saudara dia datang dan kita semak macam mana dia boleh mendaftar di SPR. *We don't know before 2002*.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Yang Berhormat, kalau mengikut dasar biasa apabila sesuatu rekod nama itu disahkan secara rasmi oleh JPN, tidak ada status di JPN, tidak ada rekod diragui. Maknanya JPN tidak boleh bagi *confirmation* adanya tentang status seseorang yang nama dalam daftar pemilih itu ada. Kalau mengikut amalan biasa mengikut undang-undang yang ada pada SPR, kita keluar sahaja.

Akan tetapi sebab kita jumlahnya terlalu besar, 42,000 jadi kita tidak mahu mengambil jalan mudah. Kita pamerkan dahulu selama tiga hingga empat bulan, *just to be sure that* semua pihak membantu kita, kalau ada wariskah apa-apa bantukan SPR. Untuk itu kalau dia orang sakitkah atau apa, *what ever document* dia pergi *update* kepada JPN dahulu.

*Because* kita *online* dengan JPN, semak benda itu. Suah beberapa kali JPN kata kalau sudah tidak ada, sudah memang *confirm* tidak ada maka SPR keluarkan sahajalah. Akan tetapi *we don't want to take that drastic action, as simple as that* Yang Berhormat. Tentang soalan kenapa mereka ada dalam daftar SPR kalau mereka tidak ada dokumen? Kita kena faham *electoral roll* ini *has been rolling* daripada dahulu lagi. Daripada dulu sebelum tahun 2002. Orang mendaftar tidak perlu tunjuk kad pengenalan pun Yang Berhormat, hanya pergi tulis borang apa sahaja letak *whatever address* dan daftar di bawah pokokkah, melalui penghulukah atau kedai kopi.

Selepas tahun 2002 baru diwajibkan menggunakan MyKad. Jadi pada waktu itu orang mendaftar SPR tidak ada *online, ICT system online checking and so on* belum ada ketika itu. Jadi Yang Berhormat proses kemasukan nama, individu dalam daftar pemilih ini adalah proses yang berterusan daripada tahun 70-an, 80-an.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tahun 50-an.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Mungkin itu. Jadi di situ mungkin ada mereka yang sebenarnya bukan warganegara. Mungkin ada yang sebenarnya orang yang tidak pernah pun mendaftar.



Orang-orang di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak sekarang ini baru mereka fikirkan tentang kad pengenalan ini. Kalau dahulu datang orang parti kata daftarlah kamu, daftarlah dia. Sebenarnya inilah hasilnya yang kita ada sekarang mempunyai satu daftar pemilih yang ada nama 42,000 yang JPN sudah *confirm* tidak ada. Tunggulnya tidak ada di JPN.

Jadi kalau ikut keputusan SPR hendak ambil jalan ringkaslah, maka kita keluarkan sahaja. Akan tetapi *we're doing the right thing*. Jadi kita *just to be very sure...*

**Dr. Mohd Hatta Md. Ramli:** Datuk.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** ...Supaya semua pihak berpuas hati nanti.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli:** Datuk, boleh tanya sikit Datuk. *Do you have any record to suggest that any of this 42,000 have ever voted?*

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Kita tentulah tidak ada rekod. Akan tetapi dari segi andaian *common sense* saya, nama dia ada dalam daftar pemilih dan terdaftar dalam mana-mana kawasan pilihan raya, maka sudah tentu dia mengundi. Itu...

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Itu sebab nama kita mengundi ini Yang Berhormat berdasarkan pada senarai daftar pemilih. Kalau dia nama tercatat dalam daftar pemilih di pusat mengundi, itu bukti *prima facie* dia berhak mengundi, jadi itu sahaja. Kalau orang – kerani SPR tidak semak macam mana nama awak ada dalam daftar pemilih. Jadi saya rasa hendak jawab soalan Yang Berhormat, saya rasa tentu mereka mengundi.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli:** *What I'm saying, what I'm trying to suggest if they ever come out to vote, then bona fide voters* adalah orangnya. *So somehow* kalau kita hendak buang pula *at anyone point* itu saya yang hendak tanya, kalau sudah dia *ever came out to vote* ertinya *he exist*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *That's why* Yang Berhormat...

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Dia mungkin bukan warganegara.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *That's why* Yang Berhormat, kita hendak pameran dia ini macam mana status mereka ini. Kita pun hendak tahu. *So' unfortunately* ramai daripada Sabah, ada 13,000. Akan tetapi untuk *security* Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** *No*, Tan Sri, orang kata tiga, empat kali lebih banyak daripada itu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu dulu. Sudah dibersihkan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Syukurlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Maknanya masa tidak lama lagi tinggal tiga hari sahaja *end of the year, December*. Selepas daripada tarikh ini kita tidak akan cerita lagi 42,000 ini sebab saya rasa sudah begitu lama kita pameran dan juga maklumkan pada parti-parti politik.

**Tuan Pengerusi:** Bila tarikh tutup Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akhir hujung ini, akhir Disember ini.

**Tuan Pengerusi:** Disember. Sudah dimaklumkan di negeri Sabah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sudah begitu lama. Lama sungguh Tuan Pengerusi.

**Tuan Loke Siew Fook:** Soalan terakhir Tan Sri. Setakat ini berapa SPR terima, ada *feedback* kata daripada 42,000 ini ada berapa yang katakan masih hidup dan dapat dibuktikan bahawa dia ada dalam senarai.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Setakat ini ada, akan tetapi tidak begitu ramai... [Berbincang sesama pegawai daripada SPR] Mungkin masa belum tamat lagi. Setakat ini tidak ada... [Ketawa] Tidak ada lagi.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Yang Berhormat, apabila sudah tarikh tutup 31 Disember nanti SPR akan *check* prestasi itulah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Mengikut kata yang menjaganya tidak sampai pun 30 orang yang respons ada, *exist*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Di kawasan saya ada 20 orang atau 30 orang sahaja.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi, yalah.

**Tuan Pengerusi:** *We make to give more* timelah dari Sabah punya *side*, sebab saya sudah *check* banyak bahagian ataupun komponen yang belum memperolehnya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Saya difahamkan Pengarah Sabah sudah memberikan kepada semua...

**Tuan Pengerusi:** Ya, akan tetapi masa untuk meneliti tidak mencukupi sebenarnya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Maknanya minta dilanjut lagi tempoh masa.

**Tuan Pengerusi:** *Maybe* satu bulan lagikah begitu, *just for* Sabah.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Saya ingat kita lanjutkan lagi seluruh negara satu bulan lagi peluang. Oleh sebab benda ini – walaupun saya cadangkan pada awal dulu lagi untuk diberi kepada ADUN-ADUN.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sudah dibagi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Saya tahu, saya tahu. Mungkin arahan kepada ADUN-ADUN di bagi dan mereka tidak tahu hendak buat apa. Dia hanya semak sahaja. Jadi kalau ada orang yang hidup, mereka harus melaporkan kepada JPN. Itu tidak dimaklumkan. Saya sendiri pun apabila saya membuat perjumpaan, saya sebut nama-nama itu adalah dua, tiga orang yang kata, ini nama masih hidup lagi. Akan tetapi saya beranggapan bahawa hidup itu maknanya mereka warganegara. Jadi *I did not go deeper to check* adakah mereka itu warganegarakah, dia itu ada kad pengenalkah? Jadi kita bagi sebulan lagilah, ingat. *One more month to...*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Bolehlah Yang Berhormat, *one more month for all*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *For all. So that* kita bersihkan betul-betul.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Sehingga 30 Januari ini.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Yes, yes*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey berkenaan dengan 4(b), ini saya telah nyatakan masa perjumpaan kita di Penang bahawa pindaan lokaliti ini bukan maknanya kita meminda *boundary* ataupun sempadan. Akan tetapi di bawah undang-undang SPR dibenarkan untuk membetulkan yang silap. Untuk membetulkan yang silap ini hanya kita ketahui apabila kita perkenalkan EGIS iaitu *Electronic Geographical Information System*, dengan menggunakan komputer, *electoral GIS*.

Jadi apabila kita gunakan itu kita dapati ada pemilih-pemilih ini yang dia lokalitinya salah. Sebagai contohlah Yang Berhormat Hulu Selangor, saya ambil sebagai contoh seperti Pilihanraya Kecil Hulu Selangor. Pengundi ini dia duduk di Gombak, di sempadan Gombak itu.

■1140

Memang bayar bil di Gombak. Tinggal di Gombak tetapi nama mereka di Hulu Selangor. Jadi, ini yang kita betulkan bahawa dalam sempadan itu – kita bukan betulkan sempadan tetapi membetulkan tempat dia tinggal yang sebenarnya. Banyak berlaku. Ini yang berhampiran dengan sempadan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Tan Sri, kemungkinan itu *choice*, ketetapan mereka bahawa mereka berdaftar di situ walaupun dia di luar.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tidak. Itu *choice* SPR yang tersilap pada masa itu. Akan tetapi kita telah membuat keputusan perkara ini sangat sensitif. Jika sekiranya pembetulan itu melibatkan pertukaran DUN, pindah *from* satu DUN ke satu DUN, kita tidak akan *enforce* perkara ini. Kita akan menunggu sehingga persempadanan sebab persempadanan ini ia akan dipamerkan. Di bawah belah bahagi ini, *subdivision*, ya?... [*Bertanya kepada pegawainya*] Ini tidak perlu dipamerkan. Mungkin orang menganggap itu tidak begitu...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kita maklum.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ada dimaklumkan tetapi tidak dipamerkan. Boleh buat *complaint* dan sebagainya. Jadi kita telah membuat keputusan sejak tahun 2010, awal tahun 2010, supaya walaupun salah tempat duduk mereka ini, kita tidak akan betulkan jika ia melibatkan pertukaran DUN dan Parlimen. Akan tetapi jika sekiranya tempat mengundi, pusat mengundi ada sekolah yang baru, sekolah yang lama itu sudah terlalu uzur ataupun tempat mengundi itu berbahaya, banyak lalu lintas di situ, yang ini kita ada pindaan dengan syarat daerah mengundi yang sama. Jadi, itu yang saya ingin nyatakan di sini, kita tidak akan membuat apa-apa pindaan ataupun pembetulan sehinggalah tempoh persempadanan semula.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya sedikit mengenai *statement* terakhir bahawa kalau ada tempat mengundi yang *validate* hendak pindah, hendak tukarkan, jadi kita...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tempat, pusat mengundi, ya?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tempat, pusat mengundi itu. Berapa lama hendak di *notice* kan atau dari sekarang lagi boleh dimaklumkan kerana saya ingat pada tahun 2004, berlaku bukannya pindah tetapi satu daerah mengundi itu ada dua tempat mengundi di sekolah yang berbeza dengan jarak yang agak signifikan. Habis kelam-kabut tahun 2004, maka ditambah dua jam. Kalau kita masih ingat lagi sejarah tersebut. Ertinya, apa-apa juga pindaan tempat mengundi ini harus diberitahu awal. Tidak seperti dalam pilihan raya kecil di Tenang, kalau tidak silap saya, perubahan tempat mengundi itu dimaklumkan beberapa hari sebelum kita mengundi.

Jadi, ini juga satu kekeliruan kerana kebiasaan orang sudah tahu tempat mengundi tersebut walaupun hujahnya ialah berada di luar daripada *locality* itu. Itu satu hal. Akan tetapi kebiasaan orang sudah mengetahui mengundi untuknya, di sinilah. Maka, pertukaran itu membabitkan pula jarak ditambah pula lagi dengan banjir pada hari itu. Jadi, ini rasanya ada masalah Tan Sri. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya Yang Berhormat. Yang tahun 2004 itu saya masih ingat, saya SS Selangor pada masa itu.

Memang masalah besar dan ini pengalaman pahit SPR yang membuat perubahan-perubahan ini. Daripada pengalaman itulah kita membuat keputusan jika melibatkan perubahan DUN dan sebagainya ini, kita tidak akan buat lagi. Jika perubahan tempat mengundi ini kita akan maklumkan awal. *Even certain extend* di tempat mengundi yang lama itu kita akan buat *banner* dan sebagainya. Sebenarnya kita maklumkan awal mengenai pertukaran ini tetapi mungkin *miscommunication* dan sebagainya. Jadi, itulah saya maklumkan bahawa sehinggalah persempadanan semula nanti, kita tidak akan lakukan pembetulan ini jika melibatkan pertukaran tempat mengundi.

*Can I go to C* Yang Berhormat? Daftar pemilih dengan alamat lengkap pemilih. Ini pun kita telah bersetuju bahawa data pemilih yang akan diedarkan kepada semua pihak akan dilengkapi dengan alamat. Akan tetapi mengikut peraturan yang ada sekarang ini, dia perlu membayar.

**Tuan Pengerusi:** Berbayar.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dibayar.

**Tuan Pengerusi:** Ia lebih tebal lagi, lebih mahal lagi?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dalam bentuk CD sahaja.

**Seorang Ahli:** *Softcopy*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Softcopy*.

**Tuan Pengerusi:** Ya, okey. Untuk parti-parti saya rasa mencukupilah. Untuk peringkat pusat pengundian punya semakan, biasanya mereka tahu siapa yang dalam kampung tersebut. *So*, ini dalam bentuk CD lah?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya. Kepada semua, untuk semua.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tan Sri, ada sedikit rayuanlah mengenai senarai-senarai yang disediakan oleh SPR yang akan begitu lengkap dan setiap kali ada DPI pun di *upgrade* kan, akan diedarkan boleh diperoleh oleh pejabat parti politik. Saya tidak tahu sama ada sudah ada keputusan tetapi kosnya tinggi Tan Sri, hendak beli itu sampai sebuah negeri RM40,000 ini kira hendak mendapatkan CD ini saya rasa bukanlah terpaksa itu. Saya rasa apalah sangat misalnya kos itu, bagi kami RM40,000 *is a big amount*, memang tidak mampu. Namun kita ada bincang daftar-daftar ini kalau setakat dalam CD ini beri sahajalah percuma. Ertinya kalau ada orang yang hendak menyelewengkan, hendak menggunakan ini, kalau dia beli pun dia akan menyeleweng juga. Akan tetapi daripada segi kami parti yang memohon ini kalau boleh ini diberikan secara *gratis*lah Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kita pun tertakluk dengan Peraturan 28 ini yang ditentukan oleh *Ministry of Finance*.

**Seorang Ahli:** Pinda. Pinda... *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kena 20 sen satu muka surat.

**Tuan Pengerusi:** Kena 20 sen. Itu *hardcopy*, ya?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya. Kalau *transform into hard copy*, 20 sen satu muka surat... *[Disampuk]*.

**Tuan Pengerusi:** *Maybe* masukkan perbincangan lembagalah Tan Sri. Jangan hapuskan tetapi kurangkan *more accessible to the public*. *I think the whole things*. *Hardcopy can understand* tetapi kalau dalam bentuk ini, harus caj lainlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dalam masa yang sama juga Yang Berhormat, semua senarai pemilih ini ada dalam laman web SPR pun.

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi hendak *download* buat *copy* sendiri tidak boleh juga.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kita akan bincang dalam mesyuarat juga. Tengok macam mana.

**Dato' Seri Radzi Sheikh Ahmad:** So, macam mana alamat IC...

**Tuan Pengerusi:** Alamat *on*...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya. Semua alamat.

**Seorang Ahli:** Tambah air Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya.

**Seorang Ahli:** Air.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Air tidak habis lagi... [*Ketawa*] Teh tariklah. Yang (d) Tuan Pengerusi, kerjasama dengan MIMOS. Kita sudah berhubung dengan MIMOS dan satu tarikh telah dipersetujui untuk mengadakan perbincangan, awal tahun hadapan.

**Tuan Pengerusi:** Bagaimana hendak *improve* sistem.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Insyallah*.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa, kalau hendak memerlukan pertolongan MCMC pun KSU ada di sini tadi.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kelima, Pameran Rang Daftar Pemilih yang ditambah dari tujuh hari ke 14 hari, ini pun mengikut kata penasihat undang-undang saya, ada *consequential amendment*, perlu dikaji peraturan-peraturan yang lain juga apa yang perlu dipinda tetapi pada dasarnya kita bersetujulah yang 14 hari itu.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tan Sri, yang ini bila boleh dilaksanakan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Cuma, saya ingin maklumkan, dengan adanya pertambahan masa ini, ia melewatkan sedikitlah masa pengesahan dan pewartaan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey. Sama ada peraturan baru ini 14 hari ini dapat dilaksanakan untuk suku keempat?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Suku keempat tahun ini?

**Tuan Loke Siew Fook:** Suku keempat maksudnya ia akan dipamerkan pada minggu ketiga bulan Januari.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Oh! Tidak sempat saya rasa.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak sempat.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tidak sempat.

**Tuan Loke Siew Fook:** Maksudnya bulan Januari untuk suku keempat masih satu minggu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Peraturan pun masih belum *lay in* Parlimen lagi.

**Tuan Loke Siew Fook:** Masih satu minggu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Masih satu minggu Yang Berhormat. *I think insyallah*, suku tahun pertama tahun hadapan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Okey. Isu yang kedua Tuan Pengerusi sebab masa perbincangan kita di Pulau Pinang, kita juga minta supaya SPR pertimbangkan semula sebab respons SPR dalam mesyuarat di Pulau Pinang ialah dua permintaan kita daripada jawatankuasa; pertamanya menghapuskan bayaran RM10 itu. SPR kata tidak boleh. Perlu ada bayaran tetapi kita minta dikaji semula sama ada bayaran itu boleh dikurangkan atau tidak?

Keduanya, jumlah orang yang dibuat aduan. Sekarang ialah seorang pengundi di kawasan itu hanya boleh membuat aduan kepada sepuluh orang pemilih ataupun pengundi yang ragu. Jadi, kita ini dapat minta dilonggarkan sedikit. Kalau hendak mengutip bayaran pun, tidak akanlah sampai RM10 seorang. Katakan RM3 ataupun kurang, RM5. Untuk jumlah pengundi yang dapat dibuat aduan itu mungkin ditambah daripada 10 kepada 100 umpamanya sama ada itu telah dipertimbangkan.

■1150

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Di peringkat SPR saya sudah bincang, saya sudah maklumkan mesyuarat di *Penang* mengatakan bahawa *status quo*. Yang Berhormat, saya minta maaf, RM10 bagi seorang, *not more than ten*. Kita telah mengkaji dengan teliti perkara ini dan kita tidak mahu terlalu banyak bantahan. Jika sekiranya kadang-kadang tidak berasas pun dan jika langsung tidak ada melibatkan RM10 satu bantahan, saya fikir sangat munasabah Yang Berhormat. Bukan maknanya kita halang, tidak. Kalau hendak bantah seberapa ramai pun boleh tetapi melibatkan duit lebih daripada seoranglah atau lebih daripada sepuluh. Pada masa ini, keputusan SPR begitulah seperti mana yang saya laporkan di *Penang*.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Saya tambah sikit Yang Berhormat Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Rasah. Kita sudah jelas di *Penang* dulu, RM10 itu adalah kerana kos ekoran daripada tindakan membantah itu. Di mana apabila bantahan dibuat, SPR wajib membuat siasatan awam. Untuk mengendalikan siasatan awam, SPR perlu mengeluarkan surat-surat kepada orang yang kena bantah, kepada pembantah dan sebagainya, supaya hadir. Semua itu sebenarnya *to cover the cost of postage* sebab bantahan hak dia dan kita memberi hak dia membantah dan untuk kita menyelesaikan hak dia itu kita memerlukan bajet untuk memanggil mereka yang membantah dan kena bantah untuk hadir pada hari siasatan tersebut.

RM10 itulah duit yang kita ada, surat, *postage*, setem dan sebagainya. Jadi, saya rasa sebelum-perkara ini memang dah banyak kali kita lihat. Kalau kita bagi rendah lagi, maka kerajaan terpaksa menanggung lebih lagilah kos itu. Jadi, saya rasa *let* pembantahlah, kalau dia betul-betul mempunyai alasan yang kuat untuk membantah, maka RM10 *is nothing*lah untuk hendak memastikan bantahan dia itu didengar dan diputuskan. Walaupun begitu, sekarang SPR ini menghadapi masalah Yang Berhormat. Apabila pembantah datang mendengar siasatan awam, apabila *fine* dikenakan kerana bantahan tidak berasas dan bantahan ditolak, mereka tidak pula hendak membayar *fine* itu.

Tidak bayar. Banyak pengalaman SPR, mereka ini, yang membantah ini, dia datang, apabila bantahan ditolak, Pengarah SPR selaku majistret itu, mereka mengenakan kompaun RM100 ke RM105 untuk memberi pampasan kepada orang yang kena bantah yang meninggalkan kerja satu hari kerana hendak mendengarkan bantahan itu semasa siasatan awam. Mereka tidak dapat.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada undang-undang untuk penalti?

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Itu yang sedang kita fikirkan sekarang Tuan Pengerusi. Ini adalah akibat daripada sikap pembantah ini, mereka hendak membantah tetapi peruntukan yang sepatutnya mereka tunaikan, ketetapan yang sepatutnya mereka patuhi, mereka enggan. Jadi Yang Berhormat Rasah, tentang RM10 itu saya rasa tidaklah berat kalau betul pembantah itu mempunyai alasan yang kuat untuk membantah kerana duit itu semata-mata untuk keperluan SPR dari segi pentadbiran sebenarnya Yang Berhormat. Akan tetapi tentang jumlah, kenapakah satu orang sahaja dibenarkan membantah sepuluh orang, maka saya rasalah perkara itu mungkinlah...

**Tuan Pengerusi:** *I think* boleh runding balikhlah Yang Berhormat Tan Sri.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Yang Berhormat Tan Sri boleh bawa sekali lagi...

**Tuan Pengerusi:** Sebab yang RM10, okeylah.

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Itu boleh diperluaskanlah lebih ramai lagi.

**Tuan Pengerusi:** RM10 kalau dilihat dari segi penambahbaikan yang kita buat yang lain itu, *just to make sure*, dengan izin, *it's a genuine* bantahan. *I think it's* okeylah. Akan tetapi RM10 satu orang, saya rasa kita boleh beri *double*lah, katakan RM20.

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *At least* RM20lah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu orang boleh satu.

**Tuan Pengerusi:** *Also*, kalau betul Yang Berhormat Tan Sri...

**Tuan Loke Siew Fook:** Dia kena bayar 1,000 kalau RM10. Bukan semua orang sanggup.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi RM100 pun, bukan dia kenal 100 orang. *So, it's not practical also.*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Nanti kita bincang di peringkat SPR.

**Tuan Pengerusi:** Berunding balik Yang Berhormat Tan Sri.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Saya rasa urusan membantah ini banyak dibuat oleh parti-parti politik. Jarang sekali *man in the street* yang membantah. Sebab itulah urusan ini urusan yang pengurusan parti yang saya rasa kalau dihadkan jumlah orangnya itu, yang ini kita sudah setuju kita akan bincang balik. Tidak ada makna sebab ia mewakili parti dan saya hendak memberi pandang bahawa apa yang di bantah *at the point of submission* itu tidakkan kita anggap benda itu tidak *genuine* Yang Berhormat Tan Sri. Memang kita anggap *genuine* sebab *we have very limited info about the names* kan?

Sebab itu kita hendak bantah, kita rasa tidak yakin tetapi kalau sudah dibuktikan betul, tidak apalah. Cuma bila denda itu datang, situlah yang sedikit masalahnya tetapi tujuan membantah itu *is genuine*.

**Tuan Pengerusi:** *I think* yang *overall* ini, kita mahu kelihatan bahawa kita menggalakkan pembersihan. Jadi, apa maklumat yang berasas kita berterima kasih. Jangan main-mainlah. Saya rasa itu yang penting ini. *So, in the spirit of that*, kalau tidak boleh naikkan RM10 itu Yang Berhormat Tan Sri, sekurang-kurangnya jumlah itu mengurangkan bebanlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tuan Pengerusi, muka surat sembilan - Mengenai mengenal pasti pengundi. Yang ini *to rearrange the location of agent party* dalam bilik mengundi. Ini pun saya difahamkan ada demo ya nanti. Ya, ya kita akan letakkan dia- macam sini ada pintu, dia akan duduk di sini.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kalau pengundi itu masuk, dia boleh nampak. Kedua, berkenaan dengan OKU.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu pun kita akan...

**Tuan Pengerusi:** Ubah peraturan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** ...buat pindaan iaitu...

**Tuan Pengerusi:** *First of February* boleh?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** ...Peraturan...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** *First of February* ini boleh? Bisa?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Saya kena lihat penasihat undang-undang saya.

**Tuan Pengerusi:** Ubah peraturankan? Nanti bolehlah...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tarikh kuat kuasa untuk OKU punya...

**Tuan Pengerusi:** Pengubahan peraturan, bolehlah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Serentaklah.

**Tuan Pengerusi:** Dengan *ink*, okey, okey. *First of February*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Macam pilihan raya sudah dekat sangat ini Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya mimpi semalam. Saya baru balik daripada bercuti. Saya mimpi bahawa mahu cepat-cepat.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Saya ingatkan lambat lagi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kawan dia itu tidak semestinya seorang pengundilah tetapi...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tidak semestinya pengundi, asalkan dia rakyat Malaysia, berumur 21 tahun.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** 21 tahun ke atas. Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dan syarat-syarat yang lainlah Yang Berhormat. Seperti waras, kita tidak mahu dia bohong. Orang yang tidak berapa, mereng dia bawa, susah kita. Yang itu akan difikirkan oleh penasihat undang-undang saya. Kita ada Borang 10 ya. Pinda Borang 10. Kemudian, mengekalkan nombor siri ini. Itu kita sudah bincang di Penang untuk mengekalkan nombor siri. Kita pun berpendapat untuk- seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Gombak, mengatakan koyak lima dulu kemudian ambil - kepada saya masalahlah.

Saya ingat susah hendak *trace* pun kalau buku itu secara *random* mungkinlah. Kalau ada lima buku, kita ambil daripada buku tiga dulu, buku empatkah? Akan tetapi hendak ambil daripada situ sebab yang datang ini Tuan Pengerusi, yang datang mengundi ini, bukan dalam daftar pemilih dia nombor satu, dia datang nombor satu. Datang pagi itu mungkin jauh ke bawah dan naik balik ke atas, kemudian bawah balik. Mungkin katakanlah Tuan Pengerusi, bilangannya kecil, sepuluh orang...

**Tuan Pengerusi:** Dia boleh ingatkan?



**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dia boleh ingat-ingatkan tetapi dia mungkin lupa juga.

**Tuan Pengerusi:** Okey, pilihan raya dia kuat ingat Yang Berhormat Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Orang-orang tertentu dia boleh ingat mungkin. Akan tetapi untuk ingat ramai memang sukar.

**Tuan Pengerusi:** Sekolah-sekolah terpencil, 60 orang sahaja pengundi...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Dia boleh tahu, *first ten*, siapa masuk. Apabila dia kira, dia kasi keluar, '*I knew apa you undi tadi*', dia kata.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi apa yang lebih penting kepada kita Tuan Pengerusi ialah, *in case* bilangan undi di dalam itu melebihi daripada. *That is why* nombor siri sangat penting. So, kita kekalkan Tuan Pengerusi. Penambahbaikan - muka surat 10. Penambahbaikan proses pencalonan. Pemansuhan proses bantahan. Yang ini pun Tuan Pengerusi, bukan bermakna sesiapa sahaja yang membuat *nomination* itu *hundred percent guaranteed* mesti lulus. Tidak.

#### ■1200

Walaupun tidak ada pembantah tetapi *returning officer* akan memastikan perkara 48 itu dipatuhi. *Returning officer* akan menyiasat latar belakang calon ini. Jika sekiranya beliau menyalahi Artikel 48, *Constitution* itu, maka RO akan mengumumkan beliau tidak layaklah. Jadi maknanya, *there is no guarantee*. Walaupun tidak ada bantahan daripada sesiapa, beliau mesti diterima penamaan. Tidak. Kuasa itu akan diberi kepada *returning officer*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Cuma *objection* yang pertama ialah tentang status beliau. Kalau beliau seorang bankrap, memang beliau tidak boleh bertanding. Itu sahaja. Jadi, saya ingat kalau perlu kita masukkan peraturan mengatakan seorang bankrap yang bertanding, beliau didendalah, beliau dihadapkan ke mahkamah. Beliau mesti dihadapkan ke mahkamah. Kita boleh buat cara begitu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ini sedang di...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tan Sri...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini kerana apa, kalau kita tidak hendakkan bantahan, bermakna beliau perlu datang dengan sukarela bahawa beliau memang bersih, beliau tidak ada lagi *bankruptcy* dan seterusnya, beliau di situ sahaja. Jadi, *returning officer* hanya lihat ini, encik tidak *sign* lagi, *sign*lah encik, nama ini. Ini pencadang, okeykah? Ini okeykah? Dia lihat dia punya komputer, okey *on*. Selepas RO terima sahaja, *finish*, tidak diterima. Akan tetapi jikalau seorang calon itu beliau bankrap tetapi beliau tidak *declare, he should be brought to court*.

**Tuan Pengerusi:** Penalti.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Yes. Why should he be given the chance to come* dan mempermainkan kita punya peraturan? *They should be brought to court*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *That one SPR* akan...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** SPR perlu tunjuklah bahawa kita ada undang-undang yang membawa mereka ke mahkamah. Kalau tidak kita, *you are looking like a lame duck*. Tidak boleh! Perlu bawa, barulah...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Semua perkara itu melibatkan pindaan perlembagaan ataupun melibatkan peraturan, itu SPR akan...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Peraturan. Saya hendak minta peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Itu peraturan sahaja.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, yang pertamanya untuk cadangan ini, sama ada SPR ada komitmen bahawa ini dapat dilaksanakan dalam PRU ke-13?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya. Kita bersedia untuk laksanakan...

**Tuan Loke Siew Fook:** Kedua, soalan saya ialah apakah mekanisme untuk RO untuk memeriksa syarat-syaratnya pada ketika itu?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Sebenarnya Yang Berhormat, calon satu-satu tempat itu, biasalah bukan diketahui semasa hari penamaan calon itu. Ia kadang-kadang sudah diketahui dua tiga hari sebelum itu pun, diumumkan secara rasmi oleh parti-parti berkenaan. Semasa itu pun pihak RO ataupun SPR sendiri boleh menyiasat latar belakang orang berkenaan, latar belakang berkenaan dengan *bankruptcy*, latar belakang berkenaan dengan beliau ini berdaftar pengundi di mana dan sebagainya, semuanya akan diteliti. Jadi, *on the very day of the nomination* itu, *just* orang kata *formality*lah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi katakan kalau calon itu adalah *last minute* calon, hari itu sahaja baru tahu terutamanya calon BEBAS. Ramai tidak tahu siapa calon BEBAS. Soalan saya ialah adakah SPR ada mekanisme pada ketika itu sama ada ada *database*, *online* dengan Jabatan Insolvency dan sebagainya? Adakah mekanisme itu disediakan kepada setiap RO?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Untuk insolvency, pada setiap pusat penamaan calon, ada pegawai daripada Jabatan Insolvency di situ.

**Tuan Loke Siew Fook:** Keduanya ialah salah satu syarat yang selalu mungkin calon itu sendiri tidak tahu sama ada dia layak atau tidak layak ialah terutamanya calon yang pernah bertanding, *election returns*. Saya hendak minta kalau SPR boleh atau tidak, mungkin dipaparkan kepada lebih awal, mungkin di pejabat SPR untuk calon-calon yang dalam pilihan raya lepas. *At least* di pejabat SPR negeri dipaparkan supaya semua parti boleh *check*, ada atau tidak dia ada beri *election returns*. Ini kerana kalau dia tidak beri *election returns*, dia akan batal.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Bukan ada dalam gazet?

**Tuan Loke Siew Fook:** Kita ada gazet tetapi tidak dipaparkan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Boleh.

**Tuan Loke Siew Fook:** So, parti-parti politik ada masalah untuk *check*.

**Tuan Pengerusi:** *Returning officer* harus ada selingan audit...

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu lagi Tan Sri, saya hendak mendapatkan kepastian, adakah RO itu diberikan sebab kebimbangan sekarang apabila kita melaksanakan cadangan ini, ada kebimbangan pihak di luar mengatakan bahawa kita memberikan kuasa terlalu besar kepada RO, budi bicara terlalu besar kepada *returning officer*. Saya hendak dapatkan kepastian sama ada RO itu boleh membatalkan pencalonan seseorang atas masalah teknikal.

Contohnya, dia ada tiga borang penamaan calon, mungkin salah satu borang dia tidak tandatangan ataupun tersilap tulis nama kawasan ataupun nama apa-apa. Boleh atau tidak RO itu membatalkan?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Semangat di SPR Yang Berhormat Rasah, seberapa boleh kita tidak mahu tolak, seberapa boleh kita hendak betulkan kesilapan-kesilapan kecil itu. Akan tetapi kalau sudah terlalu sangat seperti di Sarawak, yang tiga-tiga orang tidak *sign* borang. Akan tetapi pada masa itu di...

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Dalam tempoh satu jam itu, kalau kita jumpa dalam borang itu ada kekurangan, tempoh satu jam itu tempoh membantu menyempurnakan borang. Kita tidak mahu menolak, tidak mahu pertandingan menang tanpa bertanding. Tidak mahu...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar:** Saya – *specific case* itu saya tidak boleh hendak...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pada masa itu *returning officer* berkenaan tetapi itu satu yang berlaku. Daripada ramai-ramai calon itu, satu itu yang berlaku.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ya. Akan tetapi saya minta perkara ini mungkin di SPR kena ada *guidelines* kepada RO.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ada.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini kerana benda ini pertama kali kita laksanakan. Kita tidak mahu nanti ada dalam proses penamaan calon, ada RO yang membatalkan mana-mana calon atas teknikal, dia tidak tandatangan salah satu borang, dia terus batalkan dia. Ini akan menimbulkan isu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey. Kita...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang Berhormat, yang ada *objection* dari segi pengisian borang ini, selain daripada dia bankrap, tentang dia punya pencadang dan penyokong itu mesti datang daripada kawasan dia bertanding. Benda seperti ini *very small matter*. Walaupun nama itu silap, terima sahajalah. Selepas itu *correct later on*. Apa yang saya maksudkan itu, kita terima semua *because* – bukan kalau dia datang, umpamanya dia tidak tandatangan tiga. *It is very small, you* tandatanganlah tiga ini. Okey, *fine*. Nama pencadang dan penyokong, mungkin satu orang itu keluar daripada kawasan Parlimen umpamalah, dia bertanding *state*. Nama ini bukan nama orang sini, awak pindahkan nama itu. Pindahkanlah. *I mean, what should be done*, ini yang dimaksudkan kita adakan peraturan itu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Yang Berhormat, itu yang semangatnya yang dijalankan SPR sekarang.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Should be like that*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Certain extent*, kalau mereka sudah masuk di dewan itu, terus mereka dipanggil mendaftar. Kalau ada kesilapan-kesilapan seperti pencadang dan penyokong bukan pengundi di situ, kita minta dia keluar cari nama lain yang pengundi di situ.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Yes*.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Tentang nama-nama semua, *that is small matter*. Tidak ada yang kita tolak *because of that*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ada setengah calon tidak tidur langsung. Tidur dengan kertas pengundian itu, malam-malam tidur dengan kertas itu, takut esok pagi...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Takut orang ambil.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Takut orang ambil. Kita tidak hendak...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi semangat SPR Yang Berhormat, kita seberapa boleh, kita tidak mahu tolak penamaan calon.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yes. Jadi, pilihan raya sekali lagi, kita tidak mahu dengar langsung SPR tolak. Itu yang kita hendak.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi kalau sudah...

**Tuan Pengerusi:** Atas kelayakan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Bankruptcy*, tidak hantar *return*...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ya. Ini macam tidak pergi sekolah.

**Tuan Pengerusi:** Okey. *I think it makes SPR very friendly, for a friendly contest.*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *SPR always friendly.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *Pardon.*

**Tuan Loke Siew Fook:** *Election returns* untuk...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey. Kita pameran.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Itu Yang Berhormat, selain daripada pameran di pejabat negeri, kita boleh masuk dalam laman web.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rasah sudah buatkah?

**Tuan Loke Siew Fook:** Ada.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Mereka ini mesti diambil tindakan. Ini yang saya maksudkan. Mereka yang— walaupun dia sudah tahu nama dia, dia bekas calon ataupun bertanding dua kali pilihan raya tetapi dia tidak ada dia punya *annual return*, dia tidak beri *and then* dia masuk juga. *Something has to be done. You have to take action against this sort of people*, tidak boleh buat diam.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey, sebab hendak kata SPR *friendly*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *No. Friendly* dari segi hendak menerima pencalonan tetapi kalau orang hendak tipu SPR, kita perlu ambil tindakanlah. Itu yang dimaksudkan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Okey. Kita lihat undang-undang sekarang tidak ada. Ada ya? Akta Kesalahan Pilihan Raya.

**Tuan Pengerusi:** Main-main begitu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akta Kesalahan Pilihan Raya.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

#### ■1210

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Okey, Kemudian (b) – Penarikan Balik Calon.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tidak ada?

**Tuan Pengerusi:** Ini tidak adalah. Pengukuhan?

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Ini pun – jika sekiranya SPR *enforce* berkenaan dengan menaikkan, perbelanjaan pilihan raya, had itu yang sekarang ini RM200 ribu untuk Parlimen, RM100 ribu untuk DUN perlu dikaji semula. Sebab jumlah itu tersangat rendah. Jadi, mungkin esok kalau kita *enforce* semua *spend more than that*. Apakah ia boleh dimasukkan dalam perbelanjaan di situ. Sekarang ini bila kita tanya tentang *posters*, dia kata itu parti yang buat, bukan kita yang belanja dan sebagainya. Jadi *all the garner, all the detail got to be prepared*.

Berkenaan dengan begitu juga tentang *political finding and financing* ini tentang kita hendak audit pun, itu pun kita perlu kaji dengan teliti perkara-perkara yang perlu diaudit dan perkara-perkara yang menjadi kesalahan. Kalau tidak esok sukar untuk menjalankan hal ini. Jadi *all the detail got to be prepared first before we enforce this*. Kalau tidak sekarang ini *return* itu hanya hantar *return* sahaja. *Just past through* SPR. Tidak ada semak, tidak ada apa. Semua lulus.

Kemudian yang 3(c), berkenaan dengan pertambahan keperluan sumber manusia itu, sebagaimana yang saya sebut yang lepas pelbagai perkara kita hendak memperkukuhkan dan memperkasakan SPR ini. Saya sudah sebut berkali-kali perkara itu dan kita akan kemukakanlah kepada SIC...

**Tuan Pengerusi:** Bila boleh dikemukakan? Bulan depan?

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Sudah kemukakan?

**Datuk Wira Wan Ahmad Wan Omar:** Sudah, sudah.

**Tuan Pengerusi:** Yang minggu lalu atau yang sebelum itu?

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Selepas *meeting* kita kemukakan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kewangannya itu tidak *detail*.

**Datuk Kamaruddin Mohamed Baria [Setiausaha, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]:** Ada, ada dalam laporan ada, RM25 juta tambahan kos.

**Tuan Pengerusi:** Itu kos keseluruhan.

**Datuk Kamaruddin Mohamed Baria:** Kos tambahan.

**Tuan Pengerusi:** Ada RM25 juta? Kita akan – *I think got to prepare more detail*.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Kita temui jawatan dan seterusnya...

**Datuk Kamaruddin Mohamed Baria:** Tuan Pengerusi kami telah memberi dari *the first meeting* cadangan penambah jawatan.

**Tuan Pengerusi:** Itu ada. Penambahan jawatan, penolong jawatan...

**Datuk Kamaruddin Mohamed Baria:** Jadi dalam itu kita ada tambah kos peruntukan RM25 juta. Kos *implication* penambahan dari segi pengukuhan dan penambahan jawatan. Ada kita...

**Tuan Loke Siew Fook:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Itu senarai perjawatan. Akan tetapi hasil daripada perubahan-perubahan yang di sini tidak ada kos tambahan selain daripada tenaga.

**Datuk Kamaruddin Mohamed Baria:** *No*, kita ada sebut RM25 juta imbuhan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Itu termasuk apa yang kita cadangkan?

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]:** Penambahbaikan.

**Datuk Kamaruddin Mohamed Baria:** Oh, semua sekali ini, kita belum *calculate* lagi Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** *Maybe* dua minggu sudah sekarang, mesyuarat akan datang. *We want to endorse cost...*

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Maksud Tuan Pengerusi kos *indelible ink*, semua itu?

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Yang baru, oh!

**Tuan Pengerusi:** Kita hendak *endorse your financial needs*.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Kita – yang di sini ini saya terfikir di peringkat SPR, pertama sekali kita mungkin hendak mempertingkatkan bahagian penasihat undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Keduanya, bahagian *enforcement*. Ketiganya Akademi Pilihan Raya supaya latihan ini dibuat bukan semasa pilihan raya hendak dijalankan, akan tetapi sepanjang masa.

**Tuan Pengerusi:** Kena pilihan raya, kami terbuka untuk *bring document* untuk buat *costing proper paper*.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Kemudian juga peralatan-peralatan dari segi pendaftaran, mesti ada *mobile* unit yang nampak canggih seperti KDN lah.

**Tuan Pengerusi:** Setuju, saya setuju.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Jadi yang itu yang kita hendak supaya nampak jelas.

**Tuan Loke Siew Fook:** Akan tetapi Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** *So*, boleh buat *costing* semua ini...

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** *Because of that* ada *additional staff* and then *grading staff*.

**Tuan Pengerusi:** *Then*, *overall costing* semua ini?

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Sebelum kami selesai penggal, kami hendak *endorse your needs*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, saya rasa saya hendak *switch on record*lah, bukan semua syor kita melibatkan pertambahan kos. Saya rasa ada juga syor yang akan mengurangkan kos. Contohnya *advance voting* kepada – dia tidak payah lagi sampul surat itu. Mungkin itu akan jimatkan kos juga. *So*, bukan semua syor akan menambahkan kos.

**Datuk Kamaruddin Mohamed Baria:** Tuan Pengerusi, *problem* yang kita ada sekarang ini, sebagai contohlah negeri ada dua pegawai Tuan Pengerusi. Kalau Pengarah Negeri Selangor sekarang ini dia sibuk dengan bantahan ini dia tidak boleh buat kerja lain. Jadi tidak berjalan. Dia tidak boleh buat kerja lain. Jadi sebelum kami boleh *calculate* semua, sebab kita ada macam pengundi *oversea* kita kena buat kita punya *own set*. *You study* pengerusi *oversea* punya cara. *We must attach three or four observe full time maybe*. Sekarang tidak ada pegawai. Pegawai Undang-undang seorang sahaja. Jadi bagi kami tenaga dahulu...  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Boleh.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Sekarang ini Yang Berhormat, Pengarah Negeri itu dialah juga sebagai Penolong Pendaftar. Dialah juga sebagai Majistret. Sepatutnya Pengarah Negeri itu dia jaga hal Pengarah Negeri sahaja. Pendaftar Pemilih orang lain. Jadi Majistret itu pun orang lain. Jadi yang ini yang kita hendak...

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri boleh dalam tempoh terdekat, buat *costing* semua ini, dan kita *locate* sesi khas untuk struktur dan keperluan. *Then*, sebelum kami selesai, kami kena *endorse* dia punya keperluan. *Because message given to me* itu *also* jangan kompelin terlampau banyak SPR sudah tidak cukup orang. *So, you need something we are ready to endorse* apa yang *proper* lah. Bulan Januari boleh?

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Seterusnya muka surat 13 dan seterusnya sampai ke 15 itu adalah syor-syor yang tidak dapat dilaksanakan pada setakat ini.

**Tuan Loke Siew Fook:** Kita telah bincang.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Telah bincang...

**Tuan Pengerusi:** Okey, sebahagian sudah bincang. Luar negara, alamat pusat mengundi perlu disertakan dengan akuan...

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Yang tadi yang saya sebut sepintas lalu pun ada juga di sini.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Satu pertukaran kawasan pendaftaran alamat itu...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Pengerusi, Tan Sri...

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Ya?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Minta maaf, muka surat 13 ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Hulu Selangor.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Muka surat 13 ini, maklum balas Suruhanjaya Pilihan Raya terhadap syor awal yang tidak dapat dilaksanakan. Saya rasa ayat itu tidak begitu tepatlah. Mungkin dapat dilaksanakan, bukan tidak boleh langsungkan?

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Ini berkenaan dengan...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yalah tajuk ia, tajuk ia.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Ya lah...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kita boleh kaji, mungkin digunakan ayat yang betullah. Kalau kata tidak dapat...

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Maknanya pada masa ini, kita tadi mencadangkan *most practical* kita buat secara undi pos. Mungkin kita kena pilihan raya...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya, *that's it*. Saya rasa boleh dilaksanakan. Bukan dalam masa segera akan tetapi mungkin dalam Pilihan Raya ke-14 atau ke-15. Saya rasa ayat yang tidak dapat dilaksanakan itu diubah sewajarnya.

*[Berbincang sesama ahli]*

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Tajuk sahaja. Boleh, boleh.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Bisa, terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** ... Terbuka. Pintu terbuka, pandangan terbuka.

**Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof:** Jadi untuk yang ini pun sudah habis. Saya ingin – tidak tahu pihak Urus Setia ada menulis surat kepada Urus Setia Jawatankuasa ini untuk mendapatkan kerjasama daripada wakil-wakil parti yang ada di Jawatankuasa ini, kita telah pun bersetuju di peringkat SPR pada penamaan calon tidak ada bantahan. Kemudian, penamaan calon juga tidak boleh menarik diri.

Di peringkat SPR yang menjadi *really* trauma kepada kita, pada penamaan calon hari mengundi, ialah pada hari penamaan calon itu penyokong parti yang datang terlalu ramai. Sampai – bukan sahaja UMNO Yang Berhormat, sekarang ini sampai puluh ribu Bukit Gantang - 15,000. Maksud saya dalam undang-undang Yang Berhormat, pada hari penamaan calon itu datang seorang pun tidak apa. Sama ada pencadang ataupun penyokong, ataupun tiga orang, boleh.

■ 1220

Saya ingin mendapatkanlah kerjasama daripada pihak wakil-wakil parti dalam Jawatankuasa ini, supaya kalau boleh memberi kerjasama dengan SPR. Pada hari penamaan calon itu, tak perlu datang penyokong parti yang terlalu ramai. Satu, membuang masa. Yang kedua, perbelanjaan yang tinggi dan sekarang ini pula tak ada bantahan, tak ada penarikan diri. Jadi kalau boleh, kami di peringkat SPR mencadangkan pada hari penamaan calon itu pergi pejabat RO, di pejabat daerah kah YDP kah, *not more than ten*.

**Tuan Pengerusi:** Di pusat penamaan calon?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Di pejabat penamaan calon, ini pandangan kita. Jadi tak adalah dan kita pula di peringkat SPR tidak akan menyediakan khemah, tidak akan menyediakan minuman, tidak akan menyediakan makanan lagi sekarang.

**Tuan Loke Siew Fook:** Calon...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Calon itu...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Calon dalam dewan, dia dalam dewan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Calon dalam dewan, ini yang luar ini. Kemudian kalau ramai pula kita terpaksa menyediakan polis, jarakkan pula *not less than 100 meters*, itu pun baling kadang-kadang sampai juga YB. Itu yang trauma kami di peringkat SPR masa penamaan calon, apa akan jadi? Jadi kalau misalnya kita bersetuju di sini YB, masa penamaan calon tak perlu datang penyokong parti. Yang penting ada calon, ada penyokong, ada pencadang. Itu pun dalam undang-undang kata seorang sahaja boleh datang, boleh juga datang membawa surat itu, penyokong ataupun pencadang.

**Tuan Pengerusi:** Boleh?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Boleh. Tapi apa yang berlaku sekarang ini dengan *banner* nya, dengan mikrofonnya. Berapa banyak duit belanja itu YB? Jadi saya harap jawatankuasa ini, kalau jawatankuasa ini bersetuju, sangat besar ertinya kepada SPR. Jadi tidak menimbulkan kita takut, trauma. Ada berdarah-darahlah, ada kena baling batulah, ada yang berkelahi, bertumbuklah dan sebagainya. Merumitkan SPR, merumitkan pilihan raya. Yang kedua YB iaitu bahan-bahan kempen. Sekarang ini apabila sahaja kadang-kadang itu sebelum penamaan calon pun bahan kempen dah naik dah, dah dipasang, dah *display*. Kami bukanlah ingin membantah sama sekali tak boleh memasang bahan kempen, boleh. Akan tetapi kita dah melawat banyak negara YB, sama ada jiran-jiran kita ataupun negara-negara yang maju, mereka ada sistem.

Negara kita ini bila ada sahaja pilihan raya, habis pokok-pokok, bangunan, *lamp post*, *traffic light* pun habis dia pasang, merata-rata dengan saiz yang berbagai-bagai. Semua YB, semua. Semua sama. Jadi kalau boleh, mungkin pada masa akan datang, pilihan raya umum akan datang ini kita akan tentukan saiz. Mungkin yang ini dah lewat kah tak tahulah, saiz poster, *banner* kah?



**Tuan Pengerusi:** Poster kah *banner* kah sepanduk?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Kemudian yang kedua YB, kita tentukan tempat. Di mana tempat yang boleh di mana tempat yang tidak boleh. Nak tentukan kuantiti susah, nak kira pula. Jadi, tapi kalau ada *understanding* dan kerjasama daripada parti, itu lebih mudah kita melaksanakan dan *all the enforcement* ini akan dibuat oleh majlis perbandaran, majlis daerah, majlis bandar raya, majlis tempatan masing-masing dengan kerjasama Kementerian Perumahan. Kami telah berbincang dengan Kementerian Perumahan untuk membantu SPR bagi *enforce* perkara ini.

Kalau tidak YB, di peringkat SPR ini ada satu jawatankuasa yang dipanggil Pasukan Penguat kuasa. Tidak ada kerja lain daripada mula *nomination* sampailah pilihan raya, memantau *banner-banner* yang dipasang ini. *Banner-banner* yang dipasang ini pula YB, ada dia punya penunggu di bawah daripada parti-parti ini yang garang-garang, yang besar-besar, yang ramai. Kalau kita nak runtuhkan itu, jangan main-main. Kena panggil polis baru dia berundur. Kalau harap pegawai SPR, dia jentik sahaja sebab pengalaman kita YB, *they are trained. Big size, tall, fierce*, yang menjaga.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pasukan ini terdiri daripada SPR, polis, pegawai-pegawai.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu... *Committee* itulah.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Jadi kalaulah ada disiplin, kerjasama, ada tempat-tempat tertentu sahaja. Ada *wording-wording* ini tak perlu dah, slogan ini. Slogan parti bolehlah tapi slogan-slogan yang perlu-perlu ini kan ingat tak perlulah dah. Kalau tidak itu susah nak mentafsir itu pula. Nak mentafsir, yang menunggu itu tunjuk *where's the law* yang *this cannot*. Sudah, nak *explain* satu hal. Waktu itu pukul tiga pagi, dia ada jaga bawah itu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Dia sekarang ini, pasukan ini Tan Sri, saya syorkan bahawa pasukan ini yang terdiri daripada parti-parti yang bertanding juga diberi kuasa, diperkasakan sebab apabila mereka ada kuasa dan jika ada siapa yang melanggarnya diambil tindakan kepada parti itu. Ha itu, kalau tidak dia jadi macam ini sahajalah. *You* buatlah apa pun tak ada perubahan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Betul YB, yang itulah harapan kita tapi kadang-kadang yang dilantiknya wakil parti yang dalam itu *very junior*, yang penunggu itu pun dia takut. Tak berani dia nak bercakap. Itu kalau ada, kadang-kadang wakil pun tak ada.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Keputusannya dibuat oleh Pengerusi SPR?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** SPR.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Jadi pengerusi kalau buat keputusan nak dilaksanakan, polis ada situ. Polis, bandaran, SPR lepas itu wakil-wakil parti. Dia buat sebagai majoriti lepas itu keputusan dibuat oleh SPR dan keputusan itu mesti dilaksanakan, mesti dilaksanakan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *True* tapi *in reality* YB, kalau misalnya semuanya tidak mahu mematuhi, itu yang susah nak dilaksanakan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Laporan pada polis, biar polis ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Itu peraturan ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kalau tidak, kita ambil tindakan kepada parti yang bertanggungjawab.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Jadi kalau sekarang ini kita tentukan peraturan-peraturan tertentu. Contohnya di atas pokok tidak boleh letak...

**Tuan Pengerusi:** Macam sepanduk itu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Bukan sepanduk, bendera. Pokok itu pokok kekabu YB. Dia punya batang berduri tahu tapi macam mana dia boleh panjat, galah itu letak di atas. Itu nak turunkan bukan main susah.

**Tuan Pengerusi:** Ada penunggu lagi itu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Itu dekat *main post*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pokok kekabu itu tak apalah, yang saya maksudkan ini tempat-tempat awam.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Ha tempat-tempat awam, bangunan awam dia tampal.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ha itu tak boleh kan, pokok kekabu biarlah, dia nak naik pokok kekabu biar sahajalah tapi yang tempat-tempat awam ini yang nak dilaksanakan.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi orang penunggu sudah ada dekat pokok.

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Di *roundabout*.

**Tuan Pengerusi:** *Public property* lah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pokok kekabu awam... [*Ketawa*]

**Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pokok kekabu awam itu siang nanti kita jumlah tapi ini macam *roundabout*.

**Tuan Pengerusi:** Boleh buat draf Tan Sri dan kami sedia untuk meneliti.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** *First meeting* itu kita dah *submit*.

**Tuan Pengerusi:** Bolehlah kita lawat balikkah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Jawatankuasa patut bincangkan itu.

**Tuan Pengerusi:** Bolehlah lawat balik, *first meeting* ada, ada.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Dua perkara itu sahajalah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tan Sri, saya nak beri sedikit komenlah. Daripada awal lagi dulu bila cadangan ini dikemukakan, kita telah meneliti dan kita boleh bawa balik kepada parti-parti untuk berbincang. Masing-masing parti dan kita *come out*. Belum bincang lagi sebab benda ini benda yang besar. Sejarahinya Tan Sri, semasa parti-parti kami ini kecil-kecil, hari penamaan calon itu kami dah kalah dah. Hari penamaan calon, calon ada. Kalah. Datang sikit, orang dia ramai, lawan ramai.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Akan tetapi masa bertanding menang, calon menang.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Tempat yang kita menang itu memang kita ramailah. Ertinya ada kaitan di sana. *Show force* itu pada hari penamaan calon. Saya tak kata datang ramai pasti menang tetapi datang sikit, kalah.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Eh, tak ada.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ini sebagai contoh. Contoh macam poster ya, katalah kita satu parti ini *decide we are not going to waste our money, no poster*. Sikit-sikitlah kan, banyak poster kami, kamilah, tak *guarantee* menang. Tak ada poster, kalah *because the show force* itu. Sebab itu *time is changed*. Kami sebelah kami ini dah mula nak *take over* kehadiran pada hari penamaan calon. *They will say different thing*lah. *We say on* penamaan calon *now* tak semestinya menang Tan Sri tetapi bila ramai itu semangat dia, *especially* pilihan raya kecillah.

■1230

Jadi boleh membantu dalam menggerakkan kerja. Tiba-tiba *when we are just about to gain a bit of advantage in this sense, comes of the law*. Dulu, pondok panas. Pondok panas. Saya hendak katakan pondok panas kami, *police inferer*, tidak ada apa. *People cannot come to check in list*. Bila tidak ada begitu, semangat kita pun tidak ada. *But last three or four election*, pondok panas kami *can match the other side*. Okey, kita sudah boleh *computerize*. Semua orang sudah berani datang. *Come*, peraturan kata *no more* pondok panas. Ini kami punya pandanganlah. Pemikiran kami. *Just when we are about to match, comes a law. When we have a bit of money and we can put equal number of poster, billboard and so on, comes a law*. Itulah sahaja yang kita hendak.

Kita bersetuju kalau pakat-pakat tidak ada sama, tidak apa. *No problem*. Akan tetapi kadang-kadang macam pondok panas, kita masih ingat. Dikatakan tidak boleh *and we were not ready at all. But come election day, the other* pihak boleh naikkan. *We were caught*. Sudah tidak cukup *strength* kita di pondok panas kita pada hari itu. Ini yang kita katakan kita rasa ada sedikit *reservation* sebab *all these things* yang cuba dikurangkan ini adalah perkara-perkara yang *to us is our advantage* kalau benda itu ada. Bila ditiadakan, ertinya *all the effort* ini sudah tidak ada. Itu sahaja yang kita hendak bangkitkan. Mungkin banyak lagi perkara yang dulunya kita memang tidak ada *control*. *Once we get some resources* hendak kontrol benda itu, benda ini dihalang. Itu yang *reservation* kami *but anyway* kalau kita tengok di sesetengah negara, seronok *election* ini. *Singapore* misalnya. *Very clean, very orderly. We would like to but it must be exercise totality, effect* semua orang, *no amount of money can change the tempoh of campaign*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Namun kita akan bawa baliklah kepada parti masing-masing sebab ini isu besar.

**Tuan Pengerusi:** *So the thing* yang utama ialah hendak peningkatan dari segi satu soal *expenditure*, soal kebersihan, soal suasana. *So it shouldn't been seen disadvantage just to in particular party. I think we all for that* hanya ada *the detail* kita perlu lihat. Memang orang kata apa pilihan raya kalau tidak ramai, tidak syok. Dua hingga tiga orang sahaja pergi balai. Pergi rentang penamaan calon. Namun itu dululah. Negara-negara lain tidak mengamalkan lagi itu. Kalau negara-negara yang sudah maju. *So we also have to educate the public*lah. *So* kami akan berbincang namun kertas kerja yang lebih kemaslah *if SPR want to translate that to* peraturan.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Pertama sekali undang-undang menyatakan semasa hari pengundian, memang tidak dibenarkan lagi kempen. *Right from* pukul 12 tengah malam. Akan tetapi perkara itu masih lagi berterusan.

Keduanya pondok panas. Jika sekiranya pondok panas itu digunakan secara betul-betul dengan berdisiplin, hormat-menghormati antara satu sama lain, dalam keadaan meriah Yang Berhormat kata tidak apa. Akan tetapi apa yang berlaku ialah pada hari pengundian, apabila ada pondok panas ini apatah lagi ia berhampiran dengan pusat mengundi, keadaannya cukup *tension* sehinggakan kita memerlukan bantuan polis yang begitu ramai. Itu yang menjadi *concern* kita. Saya sebagai Pengerusi SPR, Yang Berhormat, yang saya takut dua perkara sahaja. Satu, hari penamaan calon dan yang kedua hari pengundian yang kemungkinan berbagai-bagai perkara boleh berlaku.

Jadi yang inilah yang saya berharap sangat kerjasama daripada semua parti politik. Bukan kita hendak menghalang kempen tetapi supaya kita hendak *introduce* satu perkara yang budaya yang lebih baik. Kalau orang luar tengok pun tidak adalah dia ketawa tengok kita. Saya melawat banyak negara juga. Hari penamaan calon dan hari kempen. Tidak ada macam kita. Indonesia pun ketawa tengok kita pada hari penamaan calon – pada hari pengundian. Mereka ada *cooling of period*. Indonesia selama tiga hari... [Disampuk] Masa kempen tidak apa...

**Seorang Ahli:** Perarakan itu, Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof:** Masa kempen. Masa kempen, kempenlah. Ini pada hari pengundian. Pada hari pengundian. Hari pengundian. Pada hari pengundian ini tidak benar lagi kempen. Pada hari itu adalah hari pengundi. Jadi itu yang saya harap. Dua perkara sahajalah. Pondok panas sudah tidak boleh lagi sudah. Kita sudah kuatkuasakan.

**Tuan Pengerusi:** Okey, ada lagi yang lain, Tan Sri? Saya rasa dalam surat tadi itu, kempen saiz, bahasa, pindaan kepada akta-akta.

**Tuan Loke Siew Fook:** Demo, demo.

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya rasa kita pergi kepada demo dulu. Sudah sedia, sudah sedia? *I think the media wants to see*. Akan tetapi sebelum itu kerana masa sudah banyak berlalu, mengenai dengan bahagian kedua, rumusan pendengaran awam di Sarawak dan di Pulau Pinang, sebahagian besar saya telah pun kumpulkan apa yang saya rasa. Saya minta jawatankuasa dan setiausaha bagi setiap jawatankuasa mengenai yang relevan berkaitan bagi setiap ahli jawatankuasa untuk meneliti dan membuat rumusan dan reaksi dan pandangan dan kami akan bincang pada mesyuarat di Kota Bharu nanti akan datang. Dengan izin, *don't allow it too lapse*. Nanti susah hendak ingat balik. Mesti *fresh* lagi.

Minta Setiausaha Jawatankuasa Kecil senaraikan cepat-cepat. Dari segi keutamaan, ada sepuluh perkara yang saya telah bangkitkan. Ada lagi yang lain itu tetapi memang tumpuan kepada perkara yang SPR telah pun ulas pada hari ini. So saya rasa saya akan tangguhkan mesyuarat selepas sahaja kita melihat praktikal, demonstrasi dan *check* dengan dakwat. *I think* media bolehlah dijemput masuk.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Bolehkah kita tengok dulu?

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita tengok dulu. Mesyuarat ditangguhkan selama lima minit untuk mereka cari angin.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 12.37 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 12.40 tengah hari.**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili *mempengerusikan Mesyuarat*]

**■1240**

[*Pihak SPR menjalankan demonstrasi cara-cara pengundian dan pengiraan dijalankan*]

**Tuan Pengerusi:** Apa yang akan kita lihat adalah satu demonstrasi SPR kepada jawatankuasa untuk menambah susunan dan ruang kepada pengundi. Jadi, ini diminta supaya jangan ganggu terlampau banyak. Saya rasa ambil gambar bolehlah selepas habis mesyuarat, ya kerana ini masih dalam prosiding. Dijemput pegawai Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad daripada SPR. Pertunjukan daripada SPR.

**■1250**

[*Wakil-wakil daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya membuat demonstrasi semasa proses pilihan raya dijalankan*]

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya) 2]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia Tan Sri, Yang Berbahagia Datuk Yang Berhormat sekalian. Ini adalah *set up layout plan* untuk apa yang dicadangkan oleh *Parliamentary Select Committee*. Sebelum ini apa yang terjadi adalah dan apa yang kita atur adalah di mana agen-agen tempat mengundi dikatakan tidak dapat melihat gerak geri apabila pengundi masuk ke dalam. Oleh yang demikian, apa yang kita buat adalah suatu perubahan sekarang ini. *Setup* yang kita sediakan ini adalah suatu perubahan. Kalau boleh saya mulakan dengan KTM. Ini pegawai dari SPR Cik Yusniati Ishak menjadi Ketua Tempat Mengundi (KTM).

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Bukan Keretapi Tanah Melayu?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Bukan. Akan tetapi dalam taklimat kadang-kadang orang salah faham. KTM Malaysia, *Presiding Officer* dalam bahasa Inggeris dengan izin. Kemudian di sini adalah ejen-ejen tempat mengundi. Ejen-ejen yang hendak masuk akan bertugas selama dua jam, itu pun dengan surat-surat pelantikan dan juga dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan seperti Borang 'A' - borang kerahsiaan dan sebagainya. Kemudian kerani-kerani pengundian adalah tiga, yang sebenarnya adalah empat bagi *simultaneous election* ataupun pilihan raya serentak, kita ada empat kerani pengundian iaitu kerani pengundian (1), kerani pengundian (2), kerani pengundian (3) sebenarnya. Kerani 1, 2, 3 akan bertugas di sini dan yang ke 4 ini akan berdiri di sini... [*Merujuk kepada tempat yang disediakan dalam sesi demonstrasi*]

Tujuannya kerani keempat, mereka akan bertanya kepada saya apa tugasnya? Tugasnya adalah untuk menentukan kertas undi itu dimasukkan dalam peti atau *ballot box* yang betul. Kalau kertas undi Parlimen masuk dalam *ballot box* Parlimen, kalau kertas undi negeri masuk dalam kertas undi negeri. Itu yang patut dibuat. Sekarang ini di depan kita adalah petak mengundi ataupun *polling board* dalam bahasa Inggeris dengan izin.

Ini adalah pintu masuk. Pengundi akan masuk melalui ini dengan diperhatikan sekarang ini atas permintaan ramai dalam pendengaran awam, jadi saya diarah untuk - Kalau saya masuk umpamanya sekarang ini saya masuk sebagai pengundi, jadi bermakna ejen-ejen tempat mengundi dapat melihat *and observe* saya yang masuk. Kalau dahulu tidak, dahulu katanya mereka melihat di belakang.

Ini oleh kerana saya ingat Tuan Pengerusi juga SPR merasakan *we should accommodate* permintaan di dalam, jadi itu yang *layout* yang kita buat ini.

So, apa yang berlaku adalah saya Mokhtar, datang ke sini mula-mula saya akan ambil saya punya - *I will give my* pengenalan diri mungkin kad pengenalan diri saya, IC. Jadi apa yang berlaku adalah Kerani Pengundian 1 akan melihat dan juga saya akan bawa untuk makluman jangan lupa oleh sebab kerana kita ada barung SPR. Saya akan bawa slip nombor tempat mengundi. Jadi apabila saya bawa slip mengundi dan juga saya punya kad pengenalan, saya akan kemukakan macam Cik Noor Azira Ahmad Zuki. Cik Noor Azira Ahmad Zuki akan melihat pertamanya beliau akan melihat ini bukan sahaja kad pengenalan, mungkin dokumen pengenalan diri boleh diterima macam *passport* dan lain-lainnya tetapi mesti bergambar dan mesti ada nombor kad pengenalan. Jadi beliau melihat kalau selepas melihat dan menatap wajah saya, jadi kalau telah dipastikan wajahnya maka kerani pengundian kedua akan menceraikan *to detect*.

Mohon maaf saya, sebelum itu, maaf saya, apa yang akan dibuat oleh Cik Noor Azira Ahmad Zuki adalah menyebut nombor bilangan, kemudian kedua menyebut nombor kad pengenalan dan seelok-eloknya kalau boleh kita minta menyebut muka surat sekali, kemudian nama saya dengan suara yang jelas. Sebut Mohamed Mokhtar bin Ahmad.

**Cik Noor Azira Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]:** Muka surat 7, bilangan 321, nombor kad pengenalan 480430-07-5033 Mohamed Mokhtar bin Ahmad.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Dalam masa yang sama, semua ejen itu mesti peka. Maaf saya, dalam ini saya mohon maaf dalam saya punya pengalaman terdapat ejen-ejen yang tidak ada, tidak begitu peduli, tidak ambil berat, tidak melihat jadi saya sendiri hairan apabila dibangkit. Walau bagaimanapun, ejen-ejen mesti *alert* dan dengar nama itu kemudian catat juga, *electoral roll* ataupun daftar pemilih yang ada pada Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai ejen, sama juga yang ada pada Cik Noor Azira Ahmad Zuki dan juga mesti sama dengan ada pada KTM. Tidak ada boleh ada percanggahan. Kalau ada percanggahan, akan timbul masalah nanti, *later on* bila pengiraan undi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini bermakna sebelum pukul 8, kita mula mengundi, jadi agen datang bawa fail, dia boleh minta kebenaran supaya dia *check* tengok buku daftar pemilih ini dengan buku daftar pemilih yang dia bawa. Betul sama tidak? Itu satu, betulkah?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Boleh Yang Berhormat, bagi saya tidak ada masalah. Akan tetapi daripada awal Yang Berhormat, kita yang keluarkan daftar pemilih itu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tahu-tahu. Akan tetapi kadang-kadang dapat buku yang lain, berbeza daripada yang sedia ada.

**Tuan Pengerusi:** Ada aduan yang menyebut 2004 telah berlaku.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Jadi sebaik-baiknya memang dibenarkanlah supaya *alert* kerana ejen nombor 1 itu yang *first shift* ini yang pukul 8, dia datang dia *check*lah, dibenarkan *check*. Tujuannya Yang Berhormat, saya kena maklumkan kepada awal, macam pondok panas tadi Yang Berhormat sebut-sebutkan tadi, masalah timbul di mana pondok-pondok panas mengeluarkan slip *number* kadang-kadang oleh kerana daftar pemilih itu tidak teratur...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sekarang ada lagi tidak pondok panas?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Ada, itu maksud saya ada. Dalam pengalaman kita, di mana pondok-pondok panas ada terdapat masalah kepada SPR. *So* bila *slip number* datang, jadi timbul masalah bila kita *check* di sini *slip number* itu berbeza dengan apa yang ada pada kita.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang ada di sini adalah muktamad, yang di luar tidak betul.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Ya, yang di luar tidak betul, daripada pondok panas itu tidak betul tetapi daripada barung SPR itu adalah yang sebenarnya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Seperti yang kita tahu, slip itu tidak kisah itu, parti punya kerja. Akan tetapi kita maksudkan daftar pemilih dia. Itu yang dibenarkan supaya wakil agen itu dia *compared* sebelum pengundian berjalan, dia *compare*. Itu dibenarkan. Ini isu yang sama sahaja.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya lupa hendak maklumkan bukan hendak ungkit, saya sengaja tidak tunjuk daripada awal. Saya hendak tunjuk daripada awal lagi bahawa sebelum dimulakan proses pengundian, ada dua proses di tempat mengundi. Satu, proses pengundian.

Kedua, proses pengiraan undi. Sebelum dilaksanakan proses itu, apa yang akan dilaksanakan oleh Ketua Tempat Mengundi adalah menunjukkan peti kosong kepada ejen-ejen yang hadir. Kalau ejen tidak hadir, mana-mana ejen tidak hadir, kosonglah, dia akan memanggil polis yang bertugas di luar dan menunjuk bahawa *empty*. *This ballot box is empty* kemudian baru diteruskan. Itu saya tidak sebut sebab saya akan tunjukkan *empty*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Sebelum di *seal*.

#### ■1300

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Sebelum di *seal*. Kemudian, ini berlaku sebelum 8 pagi, 7.50, 7.55 dan itu akan dilaksanakan. *Before that*, ingin saya tegaskan bahawa borang 753, *which is the form* yang digunakan untuk menindih. Kita akan guna satu borang dipanggil 753 oleh ketua tempat mengundi untuk *perforate*. Dalam bahasa Inggeris *perforator* dan kemudian ini ada tanda.

Ini akan dimasukkan di dalam sampul 4 daripada awal lagi. Tujuannya untuk *recheck later on* kalau ada masalah banyak dalam peti undi dan sebagainya. Ini adalah satu tanda yang boleh kita gunakan.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Ini boleh ditunjukkan kepada *polling agent* bukan? Mesti *didemonstrate* kepada *polling agent*, bukan?

**Encik Mohamed Mohhtar bin Ahmad:** Ini untuk simpanan ketua tempat mengundi sebenarnya. Ini daripada awal lagi untuk simpanan KTM tetapi saya tidak nampak masalah kalau hendak tunjukkan sebab ini adalah satu perkara yang baik untuk *clarification later on*, untuk kita verifikasikan.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Saya hendak tanya, *perforator* ini kita boleh *adjust before we start? Or is it fixed operation?*

**Encik Mohamed Mohhtar bin Ahmad:** Sekarang ini, yang kita ada dahulu kita guna yang berat. Sekarang ini boleh *diadjust* tetapi saya sekarang ini kalau tidak salah saya ada baiknya kita gunakan yang telah ditetapkan oleh SPR.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Betullah itu tetapi *from one* peti undi, lain pula *operationnya*.

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** Akan tetapi kalau kita guna yang ini, daripada pengalaman, ini *very fragile*. Jikalau diubah- ada yang sesetengah itu tidak boleh dia masukkan balik. *This is the* masalah tetapi sebab itu *perforator* yang kita guna itu, 5 *coding marks* itu, kita guna untuk semua tempat mengundi.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *That's the* perbezaanlah?

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** Tidak berbeza, yang sama.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak, katakanlah ada lima saluran. Bermakna kelima-lima saluran itu akan menggunakan *perforation* yang sama ataupun berbeza?

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** Yang sama, buat masa sekarang. Oleh sebab itu kertas undi, maaf saya, kalau boleh saya tunjukkan. *That is why*, Tuan Pengerusi ada sebut baru-baru ini bahawa *we need* bilangan ini. *The reason being*, kalau esok ada lebih kertas undi dan sebagainya, inilah satu-satunya yang kita boleh semak. Kita tarik nombor, makna kata, *we are asking for trouble*, timbul masalah yang kita tidak boleh *check* balik.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So, what is the purpose having the perforation.* Apa tujuannya?

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** Tujuannya untuk *verification* bahawa itu adalah daripada tempat mengundi yang,....

**Tuan Pengerusi:** *Number* sudah ada. *We can match the numbers.*

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** *You have both, that means perforator as well as numbers.*

**Tuan Pengerusi:** *Both sides?*

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** *Both sides. You have perforator as well as the serial number. That means there are two steps, two stages of verification. That means, you miss one, you have the other one.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Perforator* ini apabila digelekkan, dia akan mengeluarkan lubang itu kepada kertas itu dan juga dia punya *counterfoil*. Satu sahaja.

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** *So, selepas sebut nama tadi, dia akan guna perforator tadi untuk...*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *What it means is that valid ballot paper as oppose to this one. So, this is the valid one.*

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** *Later on, if you find this paper without perforator. That's a reason.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Any chances?*

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** *That's why I know* setiap...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sekiranya terlupa, sebelum bagi kertas ini, setakat ini belum pernah ada.

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini setiap tempat, lain? Setiap pusat mengundi, setiap pusat undilah? *So, sudah ambil ini.*

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *The first step, we have not gone through yet, the dakwat.*

**Encik Mohamed Mohktar bin Ahmad:** *Okay, can we continue?* Selain daripada itu, selepas bagi nama, dia akan kira.



Dia akan sebut dengan jelas supaya agen dengar dan KTM akan memerhati *all the time*, kemudian dia *perforate* atau pun menindik kertas mengundi. Sebab itu saya tidak mahu masuk. Itu yang kita hendak... *That is another* kalau kita... Kalau hendak buat itu, ia sudah jadi lain pula sebab apa yang dibuat, mula-mula Kerani Pengundian 1 akan melihat sama ada dia suruh letak tangan kiri, melihat sama ada sudah ada atau tidak calitan itu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Selepas bagi kad pengenalan.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Ya, selepas dia sudah *check* semua. Kemudian dia tengok calitan. Kalau belum, nama dia ada dalam daftar pemilih, maka akan disebut nama dia dan akan...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kerani Pengundian 2 akan calit?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kerani Pengundian 2 akan calit dan 3 pula akan... Sebab apabila kita sudah bubuh calitan itu, dia sudah berubah daripada awal kita punya- Sebab sekarang kita buat, tatacara dia sudah berbeza sedikit.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *New procedure.*

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** *The new procedure, meaning* dia lihat dahulu tangan kiri, ada atau tidak. Kemudian dia lihat pengenalan diri dan kemudian selepas itu, dia sebut nama. Kemudian, Kerani Pengundian 2 akan mencalit.

**Tuan Pengerusi:** Baru kasi, baru beri kertas?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kemudian Kerani Pengundian 3, dia calit. Kerani Pengundian 3 akan bagi kertas undi yang telah ditindik. Bukan, kemudian ditest.

#### ■1310

Kemudian dia akan menindik, kemudian dia serah kepada pengundi, pengundi akan ambil, dia akan tunjuk ke sini dan ke sini di mana dia memangkah parti yang dia ataupun calon yang dia pilih. Selepas dia buat begitu, barulah dia datang ke sini untuk masukkan negeri ke dalam negeri, Parlimen ke dalam Parlimen. Tujuan kita buat begitu supaya kalau kita bagi kepada Kerani Pengundian 3 buat, dia boleh mengotorkan sebab dah hitam. Dia boleh menjejaskan kertas undi, kertas undi akan rosak. Oleh sebab itu kita buat *the third person*lah. Begitu kalau tidak salah saya ya Datuk, *am I right? Just to make sure* sebab ....

**Tuan Pengerusi:** Tanda dulu *before* undi.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Yes, calit dulu.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** *Come with different* - sudah bagus sudah itu.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Calit dulu. *That means* proses yang berbeza dan kerani pengundian 2 sahaja buat. Itu dalam keadaan biasa.

**Tuan Pengerusi:** Kita hendak *test* dulu *the ink...* [*Mencuba indelible ink*]

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Kita pergi dekat sini, dia akan calit dulu? calit jari mana?

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Mana *ink*?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Betulkah? Patut jari kelingking, *index finger*.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Okey, kalau boleh saya hendak maklumkan kepada semua ahli. Saya hendak maklumkan, bila kita calit jari itu, ruas pertama terus kepada kuku dan macam Tan Sri sebut tadi sampai turun ke bawah.

**Tuan Pengerusi:** Ha? Bukan atas dari bawah?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Daripada kuku ini bagi lepas... *[Menunjukkan kaedah yang betul berkenaan penggunaan dakwat kekal]*

**Tuan Pengerusi:** Oh begini!

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Melepassi kuku, yes.

**Tuan Pengerusi:** Beginikah..., bukan begini?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Ya, ya atas. Daripada atas turun kena *skin* dengan kuku.

**Tuan Pengerusi:** Mana Datuk?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** *Can we test on the* Tan Srikah?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Siapa yang akan buat?

**Tuan Pengerusi:** Cuba dulu *on my hand*.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Siapa yang akan buat, *you*? *You* akan tolong buatkan?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tak apa, Tan Sri dulu.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Mana, mana? Siapa yang hendak buat itu?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kita bubuh bawah kuku supaya kita susah hendak padam.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Siapa yang hendak buat, ini..., *you* buat? Okey.

**Tuan Pengerusi:** Cuba.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Siapa hendak *try*?

**Tuan Loke Siew Fook:** *First man* Tan Srilah.

**Tuan Pengerusi:** Sampai di bawah kuku.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ini Yang Berhormat Kota Marudu dulu sebab dia tak ada sembahyang. *[Demonstrasi penggunaan dakwat kekal ke atas Tuan Pengerusi]*

**Tuan Pengerusi:** Wah, sampai ke bawah sikit.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Ke bawah masuk bawah kuku.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tuan Pengerusi, tunjuk Tuan Pengerusi.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Mana? Bawah mana?

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *First man to be inked*.

**Tuan Pengerusi:** *To be inked*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Sini Tuan Pengerusi, tengok.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tuan Pengerusi, sana Tuan Pengerusi.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ini dakwat sampel sahaja.

**Tuan P. Kamalanathan a/ P.Panchanathan:** *Try here, in a dark skin*.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ha ini kena pakai dakwat putih tidak?

**Tuan P. Kamalanathan a/ P.Panchanathan:** Hantu.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Hantu...*[Ketawa]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tuan Pengerusi, baik-baik tunjuk Tuan Pengerusi. Nampakkah Tuan Pengerusi - angkat tangan?

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad, bolehkah?

**Tuan Loke Siew Fook:** Boleh apa?

**Tuan Pengerusi:** So, berapa lama?

**Seorang Ahli SPR:** *Five days.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, DAP.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Tunjuk-tunjuk. Ini orang lelaki sahaja, orang perempuan hendak juga.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kawasan kuku itu penuhkanlah, penuhkan kawasan kuku itu.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** *She already be polished.*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Nanti dulu.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Yang Berhormat dahulu. Lelaki dulu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Kalau tidak ada jari macam mana ya? Contoh tidak ada jari...

*[Melipat jari telunjuknya]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Mana-mana jari.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Bukan di sini ya?... *[Menunjukkan kawasan separuh daripada atas jari telunjuknya]*

**Tuan Pengerusi:** *The same ....*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Kuku penuh?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Yes, kuku penuh.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tidak ada jari, contoh tidak ada jarilah.

*[Datuk Roosme binti Hamzah mencuba indelible ink]*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ini sudah lawa sudah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** *Can I have the tissue?... [Cuba mencuci kesan dakwat]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Ini berapa lama?

**Tuan Pengerusi:** Seminggu.

**Seorang Ahli SPR:** Seminggu atau *five days*.

**Tuan Loke Siew Fook:** Wah, teruklah ini. Satu tahunlah daripada tahun ini sampai tahun depan. Siapa ada *nail polish* di sini? *Any reporters* ada *nail polish*?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** *Sample only, this is the sample. Not a real one.*

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** *[Demonstrasi mengikat peti undi]* So, di sini KTM akan menandatangani, Ketua Tempat Mengundi akan menandatangani dan ejen-ejen yang ada boleh menandatangani kalau mereka mahu buat demikian. *They would be invited to if they want to. This is done before 8 o'clock* tetapi bila sudah sampai pukul 5, *we will close this and then* kita buat cara yang sama.

Ini dua-dua, kita ikat telinga sahaja. Mulutnya kita buka untuk supaya pengundi boleh masukkan ke dalam itu. Bila sudah pukul 8 *sharp*, kita akan ikat dua kali. Sama juga cara yang kita sudah buat di sini, kita akan simpul. Kita buat *knot* di sini, di tengah ini. Oleh sebab itu saya sangsi macam mana lampu padam *you* boleh hendak *cutter knot* ini.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Dia kata kotak ini dihilangkan.

## ■1320

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kita kena gunting dulu ini. *Now, how can* tidak tahulah bagi saya, pada masa yang sama. *So the same thing*, kita akan ambil. Ini pun kita kena ada. Kita akan lekat. So akan inilah prosedur. KTM akan *sign* dan akan menjemput pekerja-pekerja kita untuk menandatangani kalau mereka mahu buat begitu.

Ini sudah tutup. Dua-dua sudah tutup. *So*, apa yang kita boleh buat satu lagi, maaf saya. Kalau untuk negeri, untuk negeri pula... Kita boleh tahu daripada kaunter *four*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Tidak, tidak. Yang diterima tujuh buku.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Ya tujuh buku. Ya tujuh buku. *Then* yang B ini, yang dikeluarkan kita koyakkan. Daripada sini kita boleh dapat. *And then* kita tolaklah. *So finally* kita akan dapat angka berapa sepatutnya berapa dalam peti undi? *That means* kalau sama atau kurang, *we will continue counting*. Kita akan kiralah. Namun kalau dia melebihi, itu masalah sikit. *We have to open it*. Kita ikut jadual ketiga. *[Disampuk]* Tidak pernah lagilah tetapi dalam undang-undang sudah sebut kalau itu *then* kita buat pilihan raya. *So*, apa yang kita buat, boleh kita sediakan dulang?

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So*, sekarang sampai pukul 5.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Pukul 5. Ya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kita rehat. Selepas itu hendak datang hendak kira ini. *How do you go about* peti undi?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Pukul 5 ini kita *immediately* lepas kita ini, kita isi borang 13.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Okey, sudah isi.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Sudah isi, *check*. Kita akan *dheck*. Kita punya ejen akan *check*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *Sign*. Semua ini kita *sign*?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** *Polling agent will sign, KTM will sign*, semua pun *agent will sign*.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** *So* kita rehat 10 minit.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kita rehat 10 minit.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Siapa jaga kaunter?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Masa senggang ada tengah-tengah.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Siapa jaga?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Masa rehat semua ada.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Waktu rehat hendak pergi sembahyang. Waktu Asar ini.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Mereka bertukar ganti. *Not* semua.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Polis jagakah?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Polis jaga. Kemudian ada juga.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kita balik sini. Sekarang kita hendak kira macam mana?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Hendak kira, kita ambil *cutter*, *then* kita akan buka. Kita akan buka ini.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kita tengok dulu betul atau tidak betul ini. Memang...  
[Perbincangan tidak jelas]

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** *Then*, bila kita kira, kita ada *tray*. Mana *tray* tadi? *Tray* yang kita ada, *the first tray is hand counted*, *ballot paper* punya *tray* ataupun dulang belum dikira. Saya bagi contoh. Dulang belum dikira mula-mula. Kita akan label di sini dulang belum dikira. Kemudian kita ada dulang untuk calon-calon. Kalau dua orang calon, dua dulang. Kalau tiga orang calon, tiga dulang. *And then* kita ada juga dulang untuk undi ragu. Akhir sekali kita ada dulang untuk undi ditolak. *So* dalam proses *counting*, pengiraan undi ini, apa KTM akan buat adalah mengira semua yang ada dalam ini. Akan tetapi sebelum dia kira semua, dia sudah kira ini dalam bentuk 10 – 10. *Ten – ten* kemudian ikat seratus. *Properly*. Kemudian dimasukkan dalam borang 757.

Bila dia masuk borang 757, dia akan dapat total berapa jumlah sebenar yang dia dapat dalam peti undi. *So* jumlah itu akan dibandingkan dengan jumlah borang 13. Kalau sama atau kurang, pengiraan undi akan diteruskan. *So*, apa yang KTM akan buat, bukan dia kira tetapi kerani akan kira di depan ejen-ejen ini dan dipamerkan satu persatu. Kemudian masuk dalam dulang calon masing-masing. Calon 'A' masuk, calon 'B' dan sebagainya. Kalau ada bantahan, *ballot papers* yang dibantah itu akan masuk dalam undi ragu. Jadi *stage* kedua, peringkat kedua adalah KTM menentukan pula undi ragu.

#### ■1330

Untuk menentukan undi ragu, KTM akan berlandaskan kepada niat pengundi. Ini kita edarkan juga panduan undi ragu yang kita edarkan kepada agen dan juga kita juga ada. Jadi KTM akan maklumkan sesuatu keputusan yang dibuat, rasionalnya umpamanya ada titik pada kertas undi, ada satu titik dalam keadaan yang saya ingat Yang Berhormat Dato' Seri ada bangkitkan macam di Sarawak, ada juga mereka orang-orang lama mungkin dia bubuh titik, dia tidak pangkah dan sebagainya.

KTM kalau mengikut buku panduan kita, titik pun diterima. Jadi apa yang dibuat oleh KTM adalah cop diterima, *sign* masuk dalam peti masing-masing. Calon yang menang yang diterima, katakanlah calon A adalah calon 'A', calon 'B' adalah calon 'B'.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Yang rosak masukkan dalam?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Bukan rosak tetapi tolak. Oleh sebab itu kita kena bezakan. Maaf saya, dari awal lagi patut saya jelaskan bahawa undi rosak adalah kertas-kertas undi yang belum dimasukkan dalam peti undi, terkoyak, *damage* atau *torn before it is being placed in this ballot box*. Itu dipanggil undi rosak tetapi undi ditolak bermakna undi yang *dark full*, yang diragui kemudian keputusan KTM adalah diterima atau ditolak. Keputusan KTM dalam hal ini adalah muktamad.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Kemudian isi borang 14.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kemudian baru dia isi borang 764 dahulu.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Borang 764.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Dia isi Borang 764 itu bagi tujuan *number one to check whether* ada atau tidak kemungkinan untuk dikira semula dalam 764 tadi. Kemudian yang keduanya, *percentagenya the leading candidate* dengan *second leading candidate must be 4% or less* baru kita kira semula. Kalau tidak, tidak ada. Itu prosesnya.

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad:** Selepas itu baru isi borang 14?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Kemudian akhirnya borang 764, keputusan akan dipindah kepada borang 14 iaitu keputusan bagi tiap-tiap saluran itu.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tadi itu, selepas dia *pile* 10. Kemudian, 10 dia tunjuk satu letak sebelah sini, tunjuk satu letak sebelah sini, kemudian bila ia dikira itu?

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Dia kira - *That is why* kadang-kadang kita lambat sebab pengiraan di SPR ini yang kita buat satu-persatu, lambat sedikit baru isu. Macam ini saya *indicate* bahawa saya pegang di undi begini... [*Menunjukkan cara*] Ada *objection* atau tidak, kemudian baru dihadapkan. *That means* bila kita sudah *layout* untuk menjalankan undi ini, berdepan dengan ini akhirnya kita dapat borang 14 itu. Borang 14 itu akan ditandatangani KTM bagi *polling agent sign* dan satu salinan diserahkan kepada tiap-tiap agen. Bila orang kata dia tidak terima, itu yang saya kata...

**Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]:** Bukan dia tidak terima, dia sudah keluar daripada mahkamah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada yang minta tidak dapat.

**Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad:** Biasanya memang kita selalu pastikan semua KTM menyerahkan salinan kepada ejen, mesti. Itu dalam undang-undang ada.

**Tuan Pengerusi:** *Alright*, itu mencukupi. Terima kasih. Jadi Yang Berhormat, sekali lagi terima kasih kepada pihak SPR dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada urus setia. Begitulah demonstrasi pilihan raya bagi proses penambahbaikan pilihan raya. Jadi dengan itu saya tangguhkan mesyuarat ini.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.35 petang.***